



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Cetakan Pertama 2012
© Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Pendidikan Kebangsaan

ISBN 978-983-3444-40-3

1. Education and state--Malaysia. 2. Education--Aims and objectives--Malaysia.

3. Malaysia. Kementerian Pelajaran. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Dasar Pendidikan.

370.9595

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN (Edisi Ketiga)

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Aras B-4, Blok E8, Presint 1

Kompleks Kerajaan Putrajaya Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Tel : +603-8884 6000

Fax : +603-8884 6439

Web : www.moe.gov.my/bppdp

Muka taip teks : Arial

Saiz taip teks : 10pt

Dicetak oleh: **GIGA WISE NETWORK SDN BHD**

No. 74, Jalan Kapar 27/89,

HICOM Heavy Industrial Park

Seksyen 27, 40400 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

| Tajuk | Muka Surat |
|---|-------------------|
| Perutusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia | i |
| Prakata Pengarah | ii |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan | iii |
| Misi, Visi dan Matlamat Pendidikan | |
| Pendahuluan | iv |
| 1.0 Kurikulum Kebangsaan | 1 |
| 2.0 Kokurikulum | 4 |
| 3.0 Pendidikan Prasekolah | 5 |
| 4.0 Pendidikan Rendah | 7 |
| 5.0 Pendidikan Menengah | 9 |
| 6.0 Program Sekolah Kluster Kecemerlangan | 11 |
| 7.0 Program Sekolah Berprestasi Tinggi | 12 |
| 8.0 Program Sekolah Amanah | 13 |
| 9.0 Sekolah Berasrama Penuh | 15 |
| 10.0 Pendidikan Lepas Menengah (Tingkatan Enam) | 17 |
| 11.0 Program Matrikulasi | 19 |
| 12.0 Pendidikan Teknik dan Vokasional | 20 |
| 13.0 Pendidikan Khas | 21 |
| 14.0 Pendidikan untuk Murid Orang Asli dan Penan | 23 |
| 15.0 Program Pemulihan Khas | 24 |
| 16.0 Prorgam Pendidikan untuk Banduan Muda dan Juvana | 25 |
| 17.0 Pendidikan Islam | 26 |
| 18.0 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama | 28 |
| 19.0 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan | 29 |
| 20.0 Sekolah Sukan | 31 |
| 21.0 Pendidikan Kesenian | 32 |
| 22.0 Sekolah Seni Malaysia | 33 |
| 23.0 Pendidikan Swasta | 34 |
| 24.0 Pentaksiran (Penilaian dan Peperiksaan) | 35 |

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

| | | |
|------|---|----|
| 25.0 | Pendidikan Guru | 37 |
| 26.0 | Latihan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan | 39 |
| 27.0 | Penaziran Institusi Pendidikan | 40 |
| 28.0 | Pembestarian Sekolah | 42 |
| 29.0 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 44 |
| 30.0 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengurusan Pendidikan | 45 |
| 31.0 | Pembangunan Sumber Manusia | 46 |
| 32.0 | Pembangunan Pendidikan (Infrastruktur) | 48 |
| 33.0 | Perolehan dan Pengurusan Aset | 50 |
| 34.0 | Pengurusan Kewangan | 51 |
| 35.0 | Tajaan Pendidikan | 53 |
| 36.0 | Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) | 55 |
| 37.0 | Program Penerbitan Rancangan TV Pendidikan | 56 |
| 38.0 | Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) | 57 |
| 39.0 | 1Murid 1Sukan | 60 |
| 40.0 | Panduan Nasional Menerusi Pendidikan | 63 |
| 41.0 | Pendemokrasian Pendidikan dan Ekuiti | 65 |
| 42.0 | Pengantarabangsaan Pendidikan | 66 |
| 43.0 | Dasar Buku Negara | 68 |
| | Kesimpulan | 70 |
| | Jawatankuasa Penyediaan dan Penulisan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia | 71 |

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia,

Syabas dan tahniah atas inisiatif menerbitkan buku Dasar Pendidikan Kebangsaan KPM. Penerbitan buku ini amat relevan dengan langkah kerajaan untuk meneruskan proses transformasi dalam sistem pendidikan negara. Usaha ini merupakan kesinambungan dan penambahbaikan daripada penerbitan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sebelumnya. Penghasilan buku ini juga ialah hasil kerjasama bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan penerbitan buku ini.

Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju pendidikan negara. Dasar yang telah digubal akan menjadi teras serta sumber rujukan dalam setiap program yang akan dirancang dan dilaksanakan. Justeru, sesuatu dasar yang telah digubal pasti mengalami satu proses yang panjang dan rumit sebelum dapat didokumentkan. Oleh itu, saya amat menghargai segala daya usaha yang telah dilakukan untuk menerbitkan buku ini.

Kejayaan sesuatu dasar amat bergantung kepada sejauh mana kefahaman serta komitmen pihak yang akan melaksanakannya. Medium bertulis seperti buku merupakan salah satu kaedah yang mudah dan berkesan untuk memberikan kefahaman berkaitan sesuatu hasrat yang dilaksanakan.

Saya berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada setiap pembaca. Kefahaman setiap warga pendidikan khususnya dan masyarakat terhadap aspirasi kerajaan yang memerintah akan mewujudkan kesatuan dalam berfikir. Masyarakat yang berilmu dan bersatu akan menjadi lebih kuat serta mempunyai ketahanan dalam menghadapi serangan pemikiran yang merupakan senjata bentuk baru yang disalurkan dalam jaringan komunikasi moden masa kini.

Akhir kata, saya berdoa agar usaha murni ini akan mencapai objektif yang diharapkan. Semoga buku ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan penting dalam menentukan garis besar hala tuju pendidikan di negara ini. Kesedaran dan kefahaman semua pihak berkepentingan dalam pelaksanaan dasar dapat menjamin kesejahteraan pencapaian matlamat dan seterusnya meraih kejayaan dan kecemerlangan dalam dunia pendidikan.



DATO' SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

PRAKATA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah atas kejayaan penerbitan buku Dasar Pendidikan Kebangsaan KPM. Buku ini sangat penting kepada semua warga pendidik kerana buku ini merupakan salah satu rujukan utama KPM dalam merancang dan menggubal pelan bertindak dasar pendidikan negara. Untuk itu, buku ini telah disemak semula serta ditambah baik dengan menyesuaikan strategi pelaksanaan berdasarkan perkembangan dunia pendidikan masa kini.

Penerbitan buku ini merupakan kesinambungan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah diterbitkan sebelum ini pada tahun 2004. Justeru, kandungan buku ini dirangka sebagai refleksi terhadap buku yang telah diterbitkan sebelum ini di samping mengambil kira perubahan dalam bidang pendidikan yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Buku ini ditulis dalam bentuk yang mudah dan ringkas dengan harapan supaya mudah difahami dan segala aspirasi yang terkandung di dalamnya dapat dihayati oleh segenap lapisan masyarakat.

Penulisan dan penggubalan dasar yang dimuatkan dalam buku ini, telah ditulis semula dengan mengambil kira semua input serta pandangan atau cadangan daripada setiap bahagian di bawah KPM. Dasar yang dirangka meliputi kesinambungan dasar sedia ada serta dasar baru yang akan dilaksanakan agar sistem pendidikan negara ini sentiasa relevan dengan sistem pendidikan dunia dewasa ini. Penerbitan buku ini juga diharap dapat menjadi garis panduan kepada setiap individu yang terlibat sebagai agen yang akan mengerakkan jentera pendidikan di negara ini ke arah memantapkan sistem pendidikan kebangsaan. Secara tidak langsung, buku ini juga dapat memberi gambaran kepada setiap warganegara tentang hala tuju pendidikan negara agar dapat sama-sama bergerak seiring memacu ke arah negara maju pada tahun 2020 nanti.

Sebagai mengakhiri prakata ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan penerbitan buku ini. Semoga komitmen serta kesungguhan ini dapat diteruskan dan menjadi satu sumbangan yang amat bermakna untuk negara.



DR. FARIDAH BINTI ABU HASSAN

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

VISI

“Sekolah Unggul Penjana Generasi Terbilang”

MISI

“Membangun Potensi Individu Melalui Pendidikan Berkualiti”

MATLAMAT

- Melahirkan Bangsa Malaysia yang Taat Setia dan Bersatu Padu
- Melahirkan Insan Beriman, Berakhhlak Mulia, Berilmu, Berketerampilan dan Sejahtera
- Menyediakan Sumber Tenaga Manusia untuk Keperluan Kemajuan Negara
- Memberi Peluang-Peluang Pendidikan kepada semua Warganegara Malaysia

PENDAHULUAN

Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga) ini merupakan pengemaskinian dan penambahbaikan kepada buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Kedua) yang telah diterbitkan pada tahun 2004 (edisi pertama diterbitkan pada tahun 1999). Pengemaskinian dan penambahbaikan terhadap buku tersebut amat wajar dilakukan kerana terdapat dasar baru yang telah digubal kesan daripada Pelan Transformasi Negara dan Transformasi Pendidikan untuk mencapai hasrat Wawasan 2020. Di samping itu, pernyataan dasar sedia ada perlu ditulis semula dari segi pengenalan dan strategi pelaksanaan untuk disesuaikan dengan perkembangan dunia pendidikan masa kini tanpa menjelaskan hasrat dasar tersebut.

Buku ini mengandungi pernyataan dasar dan strategi pelaksanaan bagi dasar utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pernyataan dan strategi dasar sedia ada telah dimantapkan semula dan penggubalan dasar baru adalah untuk memastikan pencapaian hasrat transformasi pendidikan negara yang telah digarap berdasarkan Laporan Razak (1956) dan Penyata Mahathir (1979) di samping menterjemahkan hasrat pendidikan negara yang dinyatakan melalui Wawasan 2020, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Pelan Transformasi Negara.

Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan ini amat relevan dijadikan sebagai rujukan utama setiap jentera KPM sama ada di peringkat penggubal atau pelaksana dasar. Hal ini kerana dasar utama KPM yang dimuatkan merupakan dasar yang digubal untuk merealisasikan kejayaan pelaksanaannya yang antaranya meliputi Sistem Pendidikan Kebangsaan, Pentaksiran (penilaian dan peperiksaan), Latihan Guru dan Pemimpin Pendidikan, Penaziran, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Aset dan Infrastruktur serta penglibatan pihak swasta dalam pendidikan.

Semua pihak telah menunjukkan kesepaduan dalam memberikan komitmen yang tinggi semasa menggubal dasar pendidikan ini. Penggubalan dasar ini juga telah mengambil kira cabaran dan perubahan perkembangan dunia pendidikan di luar negara dan keperluan pendidikan masyarakat Malaysia. Cabaran globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dunia masa kini menuntut KPM untuk memastikan semua murid di seluruh ceruk rantau Malaysia perlu mendapat pendidikan yang sewajarnya seperti yang dihasratkan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Justeru, KPM amat komited bagi memastikan pelaksanaan strategi dasar pendidikan negara adalah untuk meralisasikan misi, visi dan matlamat pendidikan negara. Kejayaan pelaksanaan dasar yang telah digubal dalam buku ini memerlukan komitmen semua peringkat KPM, iaitu Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Pengetua/Guru Besar di sekolah untuk menterjemahkannya dalam bentuk tindakan. Oleh yang demikian, semua pihak dalam susur galur KPM harus mengambil inisiatif untuk meneliti, mengkaji, memahami dan melaksanakan setiap strategi dasar yang digubal dengan menggerakkan jentera bertindak di setiap peringkat organisasi masing-masing.

1.0 KURIKULUM KEBANGSAAN

1.1 PENGENALAN

1.1.1 Kurikulum Kebangsaan merupakan suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan. Tujuannya adalah untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanam dan mempertingkat nilai moral yang diingini untuk menyampaikan pengetahuan. Kurikulum Kebangsaan terbahagi kepada:

a. **Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak**

Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak bermatlamat untuk memberi asuhan dan didikan awal yang berkualiti kepada kanak-kanak serta menyediakan peluang pembelajaran yang dapat merangsang minda kanak-kanak dalam lingkungan umur lahir hingga 4 tahun. Kurikulum ini berfokus kepada pertumbuhan dan perkembangan holistik kanak-kanak daripada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

b. **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)**

KSPK bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur 4 – 6 tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Hal ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah.

c. **Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)**

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ialah suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KBSR adalah untuk memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

d. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

(Dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2011 dengan murid Tahun 1)

KSSR bermatlamat untuk memperkembang potensi individu murid secara holistik bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, berakhlaq mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21.

e. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

KBSM bermatlamat memperkembang potensi individu secara holistik dengan mengambil kira kebolehan, keupayaan, minat dan bakat murid. Kurikulum ini juga menyediakan murid untuk melanjutkan pendidikan dan/atau untuk menceburi bidang pekerjaan.

1.2 PERNYATAAN DASAR

- 1.2.1 Menyediakan program pendidikan termasuk kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk perkembangan menyeluruh murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi mewujudkan perpaduan dan integrasi kaum.

1.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 1.3.1 Menyediakan dokumen standard kurikulum asuhan dan didikan awal kanak-kanak serta kurikulum prasekolah kebangsaan.
- 1.3.2 Menggubal Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran untuk setiap mata pelajaran di peringkat rendah dan menengah.
- 1.3.3 Menyediakan bahan sokongan kurikulum untuk menyokong pelaksanaan kurikulum.
- 1.3.4 Menyediakan program khas bagi memastikan setiap murid memperoleh literasi dan numerasi selepas tiga tahun persekolahan di Tahap I sekolah rendah.
- 1.3.5 Menyediakan, menyemak dan mengemas kini kurikulum sedia ada mengikut keperluan semasa dan masa hadapan.
- 1.3.6 Menetapkan peruntukan waktu dalam jadual waktu persekolahan berdasarkan kursus pengajian dan peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996.

- 1.3.7 Menyemak dan meminda atau membuat perubahan kurikulum berdasarkan perubahan dasar pendidikan dan dasar utama negara.
- 1.3.8 Menjalankan kursus orientasi kurikulum untuk jurulatih utama di peringkat pusat.
- 1.3.9 Menyediakan kurikulum alternatif bagi murid Orang Asli dan Penan (KAP) berasaskan Kurikulum Kebangsaan.
- 1.3.10 Mengubah suai kurikulum dan menyediakan program serta kurikulum alternatif berasaskan Kurikulum Kebangsaan yang bersesuaian dengan murid berkeperluan khas.
- 1.3.11 Menyediakan kurikulum bagi mata pelajaran mengikut bidang yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 1.3.12 Menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kurikulum dilaksanakan secara berkesan.
- 1.3.13 Menjalankan kajian dan penilaian program kurikulum untuk tujuan penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada.

2.0 KOKURIKULUM

2.1 PENGENALAN

- 2.1.1 Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Aktiviti ini bertujuan mempelbagaikan pengetahuan dan pengalaman murid untuk memperkembangkan intelek, minat, bakat, jasmani dan rohani ke arah pembangunan kepimpinan murid, pembentukan nilai estetika, jati diri serta nilai sosial yang positif.

2.2 PERNYATAAN DASAR

- 2.2.1 Memastikan semua murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum ke arah pemantapan jati diri dan pembangunan modal insan yang cemerlang.

2.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 2.3.1 Membudayakan aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid.
- 2.3.2 Memberi wajaran kepada penglibatan yang sesuai kepada aktiviti kokurikulum.
- 2.3.3 Memberi peluang kepada semua murid untuk melibatkan diri secara aktif melalui kepelbagaian aktiviti kokurikulum.
- 2.3.4 Melibatkan murid pelbagai kaum dalam aktiviti kokurikulum.
- 2.3.5 Memberi penekanan terhadap penghayatan agama dan nilai-nilai murni dalam aktiviti kokurikulum.
- 2.3.6 Mempertingkat jalinan kerjasama dan perkongsian pintar dengan masyarakat dan agensi luar.
- 2.3.7 Memperluas penyertaan murid dan memperbanyak pengelolaan aktiviti kokurikulum di semua peringkat.
- 2.3.8 Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada murid, guru dan jurulatih dari semasa ke semasa.
- 2.3.9 Meningkatkan kecekapan sistem pengurusan kokurikulum di sekolah.

3.0 PENDIDIKAN PRASEKOLAH

3.1 PENGENALAN

- 3.1.1 Pendidikan Prasekolah ialah program pendidikan yang disediakan kepada kanak-kanak yang berumur 4+ hingga 5+ tahun bertujuan untuk memperkembangkan potensi secara menyeluruh, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.
- 3.1.2 Pendidikan prasekolah juga bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak dengan asas sosialisasi yang kukuh, menanam keyakinan diri dan membentuk konsep kendiri yang positif. Pelaksanaannya menjurus kepada pembangunan modal insan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi keutamaan kepada pengalaman, penglibatan aktif, selamat dan menyeronokkan.

3.2 PERNYATAAN DASAR

- 3.2.1 Memastikan kanak-kanak di Malaysia yang berumur 4+ hingga 5+ mendapat pendidikan prasekolah sama ada yang disediakan oleh KPM, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.
- 3.2.2 Memastikan pematuhan kepada penggunaan KSPK di semua institusi prasekolah kecuali di prasekolah antarabangsa dan ekspatriat.

3.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 3.3.1 Memperluas kelas prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- 3.3.2 Mewajibkan semua agensi pelaksana program prasekolah menggunakan KSPK.
- 3.3.3 Menjalankan pemantauan yang berterusan bagi memastikan KSPK diguna pakai dengan sebaik-baiknya oleh semua agensi yang melaksanakan program prasekolah.
- 3.3.4 Menyemak dan meminda atau membuat perubahan KSPK berdasarkan keperluan semasa kanak-kanak.
- 3.3.5 Memperkuuh mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan penggunaan KSPK ke atas semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menganjurkan Program Pendidikan Prasekolah.

- 3.3.6 Menyediakan guru terlatih yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pendidikan prasekolah.
- 3.3.7 Memastikan semua guru opsyen Prasekolah dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak mengajar di kelas prasekolah.
- 3.3.8 Memastikan semua bakal tenaga pengajar di prasekolah agensi kerajaan dan bukan kerajaan mengikuti kursus pendedahan prasekolah dan penggunaan KSPK sebelum ditempatkan di kelas prasekolah.
- 3.3.9 Menyediakan dan menambah baik kemudahan latihan untuk keperluan guru prasekolah dari semasa ke semasa.
- 3.3.10 Menggubal kurikulum khusus bagi prasekolah integrasi dan pendidikan khas.
- 3.3.11 Menyediakan buku-buku dalam bahasa Melayu yang sesuai untuk prasekolah.
- 3.3.12 Menyediakan guru terlatih yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pendidikan prasekolah.
- 3.3.13 Memantau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan pembekalan kemudahan prasekolah menepati dasar dan objektif KSPK.
- 3.3.14 Memberi keutamaan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah.
- 3.3.15 Menyediakan pembantu murid yang berkelayakan dan terlatih.
- 3.3.16 Menyediakan bantuan persekolahan kepada murid di prasekolah KPM.

4.0 PENDIDIKAN RENDAH

4.1 PENGENALAN

- 4.1.1 Pendidikan rendah ialah program pendidikan yang disediakan kepada murid yang berumur antara 6+ hingga 11+ tahun untuk menyediakan asas yang kukuh dalam kemahiran membaca, menulis, mengira (3M) dan menaakul; pengenalan kepada konsep asas sains; kemahiran pravokasional; kemahiran generik; serta penerapan nilai-nilai murni.
- 4.1.2 Pendidikan rendah menjadi asas kepada pembangunan dan pengembangan domain kognitif, afektif dan psikomotor murid yang selari dengan FPK.

4.2 PERNYATAAN DASAR

- 4.2.1 Memastikan semua anak warganegara Malaysia yang telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib (Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996).
- 4.2.2 Memberi peluang kepada kanak-kanak bukan warganegara diterima masuk untuk mendapat pendidikan di sekolah mengikut peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
- 4.2.3 Memastikan 60 peratus guru di sekolah rendah ialah guru siswazah menjelang tahun 2015 (RMKe-10).

4.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 4.3.1 Menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan rendah selaras dengan keperluan Dasar Pendidikan Wajib pada peringkat rendah.
- 4.3.2 Meningkatkan penguasaan kemahiran 3M dan menaakul, kemahiran sosial dan kemahiran asas komputer.
- 4.3.3 Meningkatkan kapasiti kepimpinan instruksional barisan pengurusan sekolah.
- 4.3.4 Menyediakan bantuan persekolahan dan pemantauan berterusan untuk memastikan tiada murid tercicir daripada mendapat pendidikan wajib pada peringkat rendah.

- 4.3.5 Meningkatkan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi murid sebelum memasuki tahap dua sekolah rendah.
- 4.3.6 Mengkaji keperluan penambahbaikan norma perjawatan guru dengan enrolmen dari semasa ke semasa.
- 4.3.7 Menambah baik latihan praperkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan yang bersesuaian dengan perkembangan pendidikan.
- 4.3.8 Menambah baik infrastruktur, peralatan dan saiz kelas berdasarkan piawai pembangunan sekolah yang ditetapkan.
- 4.3.9 Meningkatkan program integrasi TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan cara memperluas konsep pembestarian di semua sekolah.
- 4.3.10 Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dan rangkaian sekolah - jaringan murid di peringkat antarabangsa.
- 4.3.11 Meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan, keceriaan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

5.0 PENDIDIKAN MENENGAH

5.1 PENGENALAN

- 5.1.1 Pendidikan menengah menyediakan program pendidikan yang komprehensif dan berkualiti serta menerapkan nilai murni kepada murid yang berumur 12+ tahun hingga 17+ tahun.
- 5.1.2 Struktur pendidikan menengah memberi fokus kepada pendidikan umum pada Tahun 7 hingga 9 (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga) agar setiap murid mendapat pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu. Pada Tahun 10 dan 11 (Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima), murid dijuruskan kepada aliran sastera, sains, agama, teknikal, vokasional dan kemahiran. Tahun 12 dan 13 (Tingkatan Enam Rendah dan Enam Atas) menyediakan murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau alam pekerjaan.

5.2 PERNYATAAN DASAR

- 5.2.1 Memastikan murid mempunyai kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, mempunyai nilai jati diri kenegaraan yang tinggi serta menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa utama, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- 5.2.2 Memastikan murid lepasan menengah berupaya meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di Pusat Latihan Kemahiran Industri, Matrikulasi, Tingkatan Enam, Prauniversiti, atau di Institut Pengajian Tinggi (IPT).
- 5.2.3 Memastikan 90 peratus guru di sekolah menengah ialah guru siswazah menjelang tahun 2015 (RMKe-10).

5.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 5.3.1 Menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang cukup dan berkualiti.
- 5.3.2 Menekankan penguasaan kemahiran abad ke-21 termasuk mengaplikasikan TMK.
- 5.3.3 Menyasarkan 60 peratus murid dalam aliran sains dan teknologi berbanding 40 peratus murid dalam aliran sastera.
- 5.3.4 Menekankan program pembangunan insan dalam menghasilkan murid yang mengamalkan sikap positif dan berdaya saing dalam era yang lebih mencabar.

- 5.3.5 Menyediakan guru yang mencukupi serta terlatih, berkemahiran, berpengetahuan dan berketerampilan.
- 5.3.6 Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan melalui penyertaan aktif dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
- 5.3.7 Meningkatkan aksesibiliti dengan menambah bilangan sekolah berdasarkan lokasi.
- 5.3.8 Mengkaji dan menerapkan keperluan baru dalam skop dan reka bentuk sekolah menengah.
- 5.3.9 Meningkatkan kemahiran akademik, asas industri, pertanian dan vokasional serta pengurusan kendiri murid.
- 5.3.10 Mengukuhkan program pemulihan dan intervensi bagi murid yang belum menguasai pembelajaran.
- 5.3.11 Memantapkan pengurusan Hal Ehwal Murid serta bimbingan kaunseling dan kerjaya.
- 5.3.12 Mengoptimumkan penggunaan makmal komputer, makmal sains, pusat bahasa, bengkel dan bilik khas pembelajaran di sekolah.
- 5.3.13 Menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran baru.
- 5.3.14 Meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi murid kelas peralihan.
- 5.3.15 Menempatkan guru siswazah terlatih mengikut opsyen mata pelajaran.
- 5.3.16 Meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan, kebersihan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- 5.3.17 Menggalakkan penglibatan masyarakat, sektor awam dan sektor swasta dalam pendidikan melalui program permuafakatan serta perkongsian pintar.
- 5.3.18 Meningkatkan kecekapan pengurusan dan kepimpinan di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri.
- 5.3.19 Mempertingkat kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui:
 - i. memperbanyak istilah Matematik, Sains dan Teknologi;
 - ii. meningkatkan aktiviti sokongan bahasa seperti pertandingan/kempen/kursus; dan
 - iii. meningkatkan bantuan dalam pembinaan kapasiti guru seperti munsyi bahasa/kursus/bengkel dan sebagainya.

6.0 PROGRAM SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN

6.1 PENGENALAN

- 6.1.1 Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) ialah sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya dan mempunyai kebitaraan (*niche area*) yang menggambarkan watak sekolah.
- 6.1.2 Model SKK pada asasnya dikelompokkan mengikut lokasi, jenis sekolah, program dan kebitaraan.

6.2 PERNYATAAN DASAR

- 6.2.1 Memastikan SKK dibangunkan sebagai contoh kepada sekolah dalam kelompok yang sama atau sekolah lain di luar kelompok serta menjadi *showcase* pada peringkat antarabangsa.

6.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 6.3.1 Memilih sebanyak 300 SKK berdasarkan kriteria pemilihan menjelang tahun 2015.
- 6.3.2 Memberi kuasa autonomi kepada SKK dari segi pengurusan kurikulum, kokurikulum, sumber manusia, kewangan dan kemudahan fizikal.
- 6.3.3 Membangunkan bidang kebitaraan akademik dan kokurikulum sebagai watak sekolah.
- 6.3.4 Memberi latihan kepimpinan kepada pemimpin SKK untuk terus meningkatkan pencapaian SKK.
- 6.3.5 Mengadakan program jalinan dan jaringan dengan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara.

7.0 PROGRAM SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

7.1 PENGENALAN

- 7.1.1 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai watak, identiti yang tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah ini mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi, cemerlang dan mampu berdaya saing di persada antarabangsa.
- 7.1.2 Sasaran utama KPM adalah untuk meletakkan semua SBT sebagai penanda aras dan menjadi contoh teladan kepada semua sekolah di negara ini.

7.2 PERNYATAAN DASAR

- 7.2.1 Memastikan SBT mempunyai watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan.
- 7.2.2 Memastikan SBT mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi, cemerlang dan mampu berdaya saing di persada antarabangsa.
- 7.2.3 Menyasarkan SBT mempunyai autonomi dalam aspek pengurusan kurikulum, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan pemilihan murid.

7.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 7.3.1 Memilih dan menawarkan mata pelajaran yang memberi nilai tambah kepada murid SBT.
- 7.3.2 Menawarkan Kurikulum Kebangsaan yang komprehensif bagi laluan pintas dan pemindahan kredit ke institut pengajian tinggi.
- 7.3.3 Menawarkan peperiksaan bagi kurikulum di luar Kurikulum Kebangsaan.
- 7.3.4 Melaksanakan pengurusan sekolah yang luwes mengikut watak, identiti dan keunikan SBT.
- 7.3.5 Meningkatkan kompetensi pemimpin, guru dan anggota khidmat sokongan berdasarkan watak, identiti dan keunikan SBT.
- 7.3.6 Membuat pemilihan murid sebanyak 20 peratus dan menentukan jumlah kemasukan murid serta saiz kelas.
- 7.3.7 Mempertingkat prestasi sekolah dalam aspek pembangunan modal insan, pengantarabangsaan, jaringan dan jalinan, penyelenggaraan dan ubah suai kecil serta perolehan harta modal melalui peruntukan khas yang diterima.

8.0 PROGRAM SEKOLAH AMANAH

8.1 PENGENALAN

- 8.1.1 Sekolah Amanah ialah satu program transformasi kerajaan di bawah bidang pendidikan dan pembangunan modal insan. Program Sekolah Amanah merupakan usaha sama sektor awam dan swasta.
- 8.1.2 Sekolah Amanah bermatlamat untuk membawa perubahan kepada prestasi sekolah tanpa mengira pencapaian semasa. Sekolah Amanah dipilih daripada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan sedia ada di seluruh negara yang merangkumi sekolah rendah dan menengah mengikut lokasi bandar, pinggir bandar dan luar bandar yang berprestasi rendah, sederhana dan cemerlang.
- 8.1.3 Sekolah Amanah mempunyai lebih autonomi dalam membuat keputusan berkaitan kurikulum, kewangan dan sumber manusia. Autonomi yang diberikan adalah untuk menggalakkan inovasi serta lebih responsif terhadap keperluan guru dan murid di sekolah. Autonomi yang diberi merangkumi kebebasan memilih kandungan kurikulum, pengagihan peruntukan mengikut keperluan, penyediaan insentif berdasarkan prestasi serta pemilihan guru dan kakitangan bukan guru.

8.2 PERNYATAAN DASAR

- 8.2.1 Memastikan proses penambahbaikan dalam melahirkan murid dan sekolah yang cemerlang dapat dicapai tanpa mengira tahap permulaan melalui kerjasama awam dan swasta.

8.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 8.3.1 Menyediakan Standard Prosedur Pengoperasian tersendiri bagi semua Sekolah Amanah.
- 8.3.2 Mencapai prestasi yang telah ditetapkan dalam tempoh lima tahun.
- 8.3.3 Mewujudkan proses pemilihan dan pengawalan untuk bakal penaja bagi memastikan kesesuaian/keselarasan dengan transformasi pendidikan, komitmen kewangan jangka masa panjang, kredibiliti dan rekod di dalam meningkatkan pencapaian murid.
- 8.3.4 Mewujudkan proses penyesuaian setara antara pihak penaja dengan sekolah termasuk persetujuan sepenuhnya (*full buy-in*) daripada pemimpin sekolah, guru, murid dan komuniti sebagai prasyarat program.

- 8.3.5 Menyediakan satu Instrumen Penamaan untuk Sekolah Amanah yang menetapkan kriteria prestasi utama bagi sekolah tersebut.
- 8.3.6 Menyediakan calon dalam kalangan sektor swasta bagi mengisi jawatan guru dan kakitangan bukan guru di Sekolah Amanah sekiranya perlu. Pengetua juga boleh mencadangkan KPM untuk menukar guru atau kakitangan bukan guru yang berprestasi rendah selepas tamat dua pusingan pengoperasian.
- 8.3.7 Menyediakan pakar runding luar bagi membantu membangunkan dan memajukan kurikulum dan kokurikulum Sekolah Amanah.

9.0 SEKOLAH BERASRAMA PENUH

9.1 PENGENALAN

- 9.1.1 Pendidikan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) adalah untuk menyediakan suasana persekolahan dan pembelajaran yang terancang, terkawal dan sempurna bagi memupuk serta mengembangkan potensi murid yang cemerlang sebagai warganegara yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.
- 9.1.2 SBP juga ialah wadah terbaik dalam menjana insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemapanan sahsiah, kesejagatian kepemimpinan dan kejituan patriotisme bagi melahirkan ahli sains, teknokrat dan profesional yang dapat memenuhi aspirasi negara.

9.2 PERNYATAAN DASAR

- 9.2.1 Memastikan murid luar bandar daripada keluarga kurang berkemampuan yang berpotensi dari segi akademik mendapat pendidikan yang lebih sempurna dengan menyediakan sekurang-kurang 70 peratus tempat di SBP.
- 9.2.2 Memastikan peningkatan bilangan murid bumiputera yang mendapat pendidikan berkualiti.
- 9.2.3 Menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif bagi membolehkan murid mencapai tahap kecemerlangan dalam kurikulum dan kokurikulum.
- 9.2.4 Memastikan SBP melahirkan murid yang memiliki keperibadian unggul iaitu berilmu, berkemahiran dan beretika mulia serta berketerampilan.
- 9.2.5 Memastikan SBP melahirkan bakal pemimpin yang berkualiti.
- 9.2.6 Memastikan SBP membina watak sekolah bercirikan kecemerlangan yang boleh dijadikan penandaarasan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

9.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 9.3.1 Menambahkan bilangan SBP serta menaik taraf SBP sedia ada.
- 9.3.2 Memperbanyak program pengantarabangsaan, kepemimpinan, jalinan dan jaringan antara SBP dengan sekolah di dalam dan di luar negara.
- 9.3.3 Membangunkan guru SBP sebagai guru cemerlang.
- 9.3.4 Menawarkan pelbagai mata pelajaran bidang sains, teknikal, sastera dan perakaunan.
- 9.3.5 Meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan di SBP.

10.0 PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH (TINGKATAN ENAM)

10.1 PENGENALAN

- 10.1.1 Pendidikan lepas menengah disediakan bagi murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang layak. Pendidikan untuk murid menengah atas ini bertujuan untuk memperkuuh pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai persediaan bagi melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negara.
- 10.1.2 Pendidikan Lepas Menengah telah dijenamakan semula bermula dengan menambah perjawatan kenaikan pangkat, sistem jadual waktu dan pengurusan yang baharu serta pengenalan sistem modular mulai 2012.
- 10.1.3 Dalam sistem Pentaksiran Modular, aspek kemahiran insaniah akan diterapkan. Aspek-aspek tersebut ialah kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, pengurusan maklumat, etika dan moral.
- 10.1.4 Pada penghujung tempoh persekolahan, murid akan menduduki pentaksiran peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut peruntukan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225].

10.2 PERNYATAAN DASAR

- 10.2.1 Memastikan murid yang mengikuti Pendidikan Lepas Menengah berupaya meningkatkan keupayaan diri dari segi intelektual, daya kepimpinan, jati diri dan semangat yang tidak mudah luntur sebagai persediaan memasuki ke peringkat pengajian tinggi di dalam atau di luar negara.
- 10.2.2 Memastikan sukanan pelajaran dan spesifikasi ujian mata pelajaran digubal bersesuaian dengan tahap prauniversiti dan keperluan pendidikan semasa.
- 10.2.3 Memastikan kualiti keputusan pentaksiran menepati piawai yang ditetapkan dan mendapat pengiktirafan institusi pengajian tinggi.

10.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 10.3.1 Meningkatkan kualiti guru melalui latihan dalaman yang berterusan.
- 10.3.2 Membangunkan kapasiti murid melalui kerjasama awam dan swasta.
- 10.3.3 Menambah baik prasarana bilik darjah dan kelengkapan pembelajaran murid.
- 10.3.4 Menggubal sukatan pelajaran dan spesifikasi ujian sesuatu mata pelajaran sesuai dengan tahap prauniversiti dan keperluan pendidikan semasa.
- 10.3.5 Membangunkan instrumen pentaksiran yang jitu, sah, boleh dipercayai, saksama, dan adil selaras dengan matlamat sukatan pelajaran dan spesifikasi ujian sesuatu mata pelajaran.
- 10.3.6 Meningkatkan kecekapan pendaftaran calon yang layak untuk menduduki pentaksiran.
- 10.3.7 Mentadbir pentaksiran berasaskan sekolah dan peperiksaan awam berpusat dengan cekap dan berkesan.

11.0 PROGRAM MATRIKULASI

11.1 PENGENALAN

- 11.1.1 Program Matrikulasi merupakan program persediaan bagi pelajar bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang untuk mengikuti pengajian ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT).

11.2 PERNYATAAN DASAR

- 11.2.1 Memastikan pembangunan potensi murid bumiputera melalui pendidikan prauniversiti yang berkualiti untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan di luar negara, dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

11.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 11.3.1 Melaksanakan pengambilan murid cemerlang lulusan SPM untuk mengikuti Program Matrikulasi berdasarkan keperluan semasa IPTA.
- 11.3.2 Melaksanakan Program Matrikulasi dalam tempoh satu hingga dua tahun bagi menambah bilangan pelajar bumiputera cemerlang yang layak mengikuti kursus yang kompetitif di IPTA.
- 11.3.3 Melaksanakan kurikulum matrikulasi yang diiktiraf oleh IPT dan dikemas kini secara berterusan agar sentiasa relevan.
- 11.3.4 Mendapatkan pengiktirafan Program Matrikulasi daripada IPT di dalam dan di luar negara.
- 11.3.5 Menawarkan pelbagai aliran di peringkat Program Matrikulasi untuk membolehkan murid menyertai pelbagai bidang yang ditawarkan di peringkat IPTA.
- 11.3.6 Menyediakan prasarana dan persekitaran yang lengkap, terkini dan kondusif untuk pembelajaran.
- 11.3.7 Menyediakan tenaga pengajar terlatih yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang ditawarkan.

12.0 PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

12.1 PENGENALAN

- 12.1.1 Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) diwujudkan bagi menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi, kebolehpasaran dan kebolehkerjaan agar sentiasa relevan dalam membantu menyokong pembangunan ekonomi negara serta menyediakan akses dan ekuiti pendidikan kepada semua murid.

12.2 PERNYATAAN DASAR

- 12.2.1 Memastikan murid yang berminat dalam bidang teknik dan vokasional terus berada dalam sistem persekolahan.
- 12.2.2 Memastikan penyediaan lebih ramai tenaga kerja yang berkelayakan, fleksibel, berfikiran kreatif, mahir dan terlatih serta mempunyai nilai murni bagi memenuhi keperluan perindustrian dan pemodenan negara.
- 12.2.3 Memastikan sistem PTV diperkuuh supaya relevan dengan pembangunan ekonomi semasa negara.

12.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 12.3.1 Memperkasakan kurikulum PTV supaya murid lepasan PTV mempunyai laluan kerjaya yang jelas, luas, nilai kebolehpasaran, menguasai kemahiran keusahawanan dan kebolehkerjaan.
- 12.3.2 Menawarkan lebih banyak peluang kepada murid mengikuti pendidikan dalam aliran vokasional dan aliran kemahiran.
- 12.3.3 Menambah bilangan sekolah dan bidang vokasional yang menjurus kepada keperluan sektor ekonomi, perkhidmatan dan industri.
- 12.3.4 Memupuk nilai murni dalam kalangan murid PTV ke arah melahirkan tenaga mahir yang berintegriti serta berakhhlak mulia.
- 12.3.5 Memperkenalkan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) kepada murid seawal Tingkatan Satu bagi membolehkan mereka mendapat peluang mengikuti aliran vokasional dan mendapatkan sijil kemahiran yang bersesuaian.
- 12.3.6 Meningkatkan penglibatan industri dan badan profesional supaya lulusan PTV mendapat pengiktirafan daripada badan bertauliah.
- 12.3.7 Memperkasakan Sekolah Niaga (*School Enterprise*) lepasan PTV mempunyai jati diri yang tinggi dan memiliki nilai-nilai keusahawanan.
- 12.3.8 Meningkatkan jalinan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta dari dalam dan luar negara bagi mewujudkan laluan ke institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.
- 12.3.9 Mengarusperdanakan aliran PTV sebagai pilihan utama.

13.0 PENDIDIKAN KHAS

13.1 PENGENALAN

- 13.1.1 Pendidikan khas diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan murid berkeperluan khas yang telah dikenal pasti mempunyai kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, masalah pembelajaran, kurang upaya fizikal dan kurang upaya pelbagai di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.
- 13.1.2 Pendidikan bagi murid berkeperluan khas dilaksanakan di sekolah pendidikan khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif.
- 13.1.3 Di peringkat menengah, KPM menyediakan pendidikan berasaskan akademik atau vokasional bagi murid berkeperluan khas.

13.2 PERNYATAAN DASAR

- 13.2.1 Memastikan murid berkeperluan khas diberi peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang sesuai dan relevan.
- 13.2.2 Memastikan program pendidikan bagi murid berkeperluan khas sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing agar dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti.
- 13.2.3 Memastikan murid berkeperluan khas yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua.

13.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 13.3.1 Menyediakan akses kepada pendidikan yang berkualiti, relevan dan sesuai untuk murid berkeperluan khas.
- 13.3.2 Menyediakan lebih banyak peluang dalam bidang kemahiran dan vokasional.
- 13.3.3 Menyediakan peluang yang sama kepada murid berkeperluan khas berpotensi untuk cemerlang dalam kelas arus perdana.
- 13.3.4 Melaksanakan intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas dari peringkat prasekolah atau perkhidmatan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK).

- 13.3.5 Menyediakan perkhidmatan sokongan dan peralatan *augmentative* dan *assistive* bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas.
- 13.3.6 Menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, terkini dan sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid berkeperluan khas.
- 13.3.7 Memastikan tenaga pengajar yang mencukupi, terlatih dan berkemahiran dalam bidang pendidikan khas.
- 13.3.8 Memantapkan penggunaan Rancangan Pendidikan Individu bagi murid berkeperluan khas.

14.0 PENDIDIKAN UNTUK MURID ORANG ASLI DAN PENAN

14.1 PENGENALAN

- 14.1.1 Pendidikan untuk murid Orang Asli dan Penan bertujuan untuk membantu anak-anak Orang Asli dan Penan mendapat pendidikan asas supaya turut sama memberi sumbangan kepada negara.
- 14.1.2 Golongan ini boleh dikelompokkan dalam kumpulan berisiko tinggi yang perlu diberi perhatian agar tidak tercicir dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

14.2 PERNYATAAN DASAR

- 14.2.1 Memastikan murid Orang Asli dan Penan diberi peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan.
- 14.2.2 Memastikan murid Orang Asli dan Penan diberi peluang mengakses pendidikan dalam budaya dan bahasa mereka sendiri serta berasaskan persekitaran mereka pada peringkat awal pendidikan.

14.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 14.3.1 Melaksanakan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) untuk memastikan murid Orang Asli dan Penan mendapat sembilan tahun pendidikan.
- 14.3.2 Melaksanakan Program *Outreach* untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan.
- 14.3.3 Menyediakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP).
- 14.3.4 Menyediakan Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP).

15.0 PROGRAM PEMULIHAN KHAS

15.1 PENGENALAN

- 15.1.1 Program Pemulihan Khas merupakan program khusus untuk murid tahap satu yang menghadapi kesulitan menguasai kemahiran asas 3M.
- 15.1.2 Penekanan terhadap Program Pemulihan merupakan perkara penting yang perlu dilakukan bagi memastikan semua murid menguasai aspek literasi dan numerasi.

15.2 PERNYATAAN DASAR

- 15.2.1 Memastikan murid yang menghadapi menguasai kemahiran asas 3M diberi pemulihan khas.

15.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 15.3.1 Menstruktur semula kaedah pelaksanaan Program Pemulihan berdasarkan keperluan dan kumpulan murid pemulihan.
- 15.3.2 Menambah baik kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran Pemulihan Khas untuk membantu penguasaan kemahiran 3M murid dalam tempoh intervensi.
- 15.3.3 Melaksanakan pelantikan dan penempatan guru Pemulihan Khas mengikut opsyen, keperluan dan kesesuaian.
- 15.3.4 Memantau dan menilai kemajuan prestasi program pemulihan di sekolah bagi setiap murid.
- 15.3.5 Meningkatkan penglibatan ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan, dan badan bukan kerajaan dalam program peningkatan penguasaan kemahiran 3M murid.

16.0 PROGRAM PENDIDIKAN UNTUK BANDUAN MUDA DAN PESALAH JUVANA

16.1 PENGENALAN

- 16.1.1 Program pendidikan untuk banduan muda dan pesalah juvana merupakan kerjasama antara KPM dengan Jabatan Penjara Malaysia. Banduan muda diberi peluang belajar di Sekolah Integriti manakala pesalah juvana ditempatkan di Sekolah Henry Gurney.
- 16.1.2 KPM berperanan membekalkan guru serta keperluan pengajaran dan pembelajaran manakala Jabatan Penjara menyediakan kemudahan infrastruktur.

16.2 PERNYATAAN DASAR

- 16.2.1 Memastikan murid yang sedang atau telah disabitkan kesalahan diberi peluang untuk mendapat akses pendidikan kebangsaan.

16.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 16.3.1 Membekalkan guru yang berkelayakan dan mencukupi di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney.
- 16.3.2 Menyediakan keperluan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian mengikut keperluan di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney.
- 16.3.3 Menyediakan peluang kepada banduan muda dan pesalah juvana untuk menduduki peperiksaan awam.

17.0 PENDIDIKAN ISLAM

17.1 PENGENALAN

- 17.1.1 Pendidikan Islam merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan kebangsaan dan menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Islam menyatakan bahawa:

“Pendidikan Islam ialah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”

- 17.1.2 Matlamat pendidikan Islam di sekolah agama KPM adalah untuk membentuk insan seimbang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan amal berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah dan berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran mazhab al-Syafie.

17.2 PERNYATAAN DASAR

- 17.2.1 Memastikan Pendidikan Islam dan program dakwah dan syiar Islam dilaksanakan di mana-mana institusi pendidikan yang mempunyai murid Islam.
- 17.2.2 Memastikan Pendidikan Islam di Malaysia bertaraf dunia dan menjadi penanda aras di peringkat antarabangsa dalam menjana generasi berilmu, beriman dan beramal soleh.
- 17.2.3 Memastikan setiap murid Islam berpeluang mengikuti Pendidikan Islam dan Bahasa Arab yang berkualiti.
- 17.2.4 Memastikan sekolah agama KPM sebagai institusi pendidikan agama terbaik yang menawarkan pelbagai program Pendidikan Islam yang berkualiti dan terancang ke arah melahirkan teknokrat yang beragama dan ulamak yang berwibawa.

17.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 17.3.1 Merancang dan melaksanakan kurikulum dan kokurikulum Pendidikan Islam secara sistematis dan berkesan di semua institusi pendidikan.
- 17.3.2 Mewajibkan semua murid Islam memahami, menguasai, menghayati dan mampu melaksanakan Perkara Asas Fardu 'Ain (PAFA).
- 17.3.3 Menilai keberkesanan program Pendidikan Islam melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- 17.3.4 Menempatkan guru yang berkelulusan ikhtisas Pendidikan Islam sahaja.
- 17.3.5 Mempertingkat kualiti dan profesionalisme guru Pendidikan Islam melalui latihan kepakaran yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
- 17.3.6 Merancang dan melaksanakan program dakwah dan kepimpinan serta pengukuhan nilai kepada semua warga sekolah yang beragama Islam.
- 17.3.7 Menyediakan bahan bantu mengajar Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan tulisan Jawi yang mencukupi, berkesan serta menepati keperluan dan perkembangan semasa.
- 17.3.8 Mewujudkan mekanisme penguatkuasaan, pemantauan dan penyeliaan secara sistematis, berterusan dan berkesan terhadap pelaksanaan dasar Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.
- 17.3.9 Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran sekolah agama KPM.

18.0 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

18.1 PENGENALAN

- 18.1.1 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) ialah sekolah kawalan berasrama yang melaksanakan dwikurikulum, iaitu kurikulum akademik dan kurikulum agama secara bersepadu.
- 18.1.2 SMKA disediakan untuk memenuhi permintaan ibu bapa terhadap pendidikan agama dan bahasa Arab.
- 18.1.3 Pendidikan di SMKA merupakan usaha melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, cemerlang, berakhhlak mulia, bertakwa dan bertanggungjawab untuk mengamalkan cara hidup Islam serta mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada diri, agama, ummah dan negara.

18.2 PERNYATAAN DASAR

- 18.2.1 Memastikan pengambilan murid ke SMKA adalah dalam kalangan murid tempatan yang mencapai kelayakan cemerlang dan boleh membaca dan menulis jawi serta membaca Al-Quran dengan baik dan lancar.

18.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 18.3.1 Menambah bilangan SMKA bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sekolah agama.
- 18.3.2 Menambah baik kemudahan fizikal dan prasarana sedia ada.
- 18.3.3 Mewujudkan iklim dini yang merangsang pembinaan sahsiah unggul murid yang berilmu dan beramal dengan ilmu tersebut.
- 18.3.4 Meningkatkan kecemerlangan SMKA dalam pelbagai bidang pengajian.
- 18.3.5 Menambah bilangan SMKA yang diiktiraf sebagai SBT.

19.0 SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN

19.1 PENGENALAN

- 19.1.1 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah sekolah agama yang berdaftar dengan KPM ke arah mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran sekolah, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia dan prasarana serta kemudahan asas sekolah agama.
- 19.1.2 SABK melaksanakan dwikurikulum, iaitu Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Dini/ Azhari.
- 19.1.3 SABK diuruskan oleh KPM. Walau bagaimanapun hak milik tanah, bangunan serta pelaksanaan kurikulum kekal di bawah bidang kuasa kerajaan negeri atau Lembaga Pentadbir Sekolah (LPS).

19.2 PERNYATAAN DASAR

- 19.2.1 Memastikan SABK mendapat pelbagai kemudahan pendidikan seperti sekolah KPM khususnya bantuan insentif (untuk SAR sahaja) setelah memorandum persefahaman ditandatangani.
- 19.2.3 Memastikan pelaksanaan kurikulum agama dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Kurikulum Kebangsaan.
- 19.2.4 Memastikan guru dan kakitangan SABK diserap ke dalam perkhidmatan kerajaan bagi menikmati kemudahan dan insentif seperti yang diberikan kepada kakitangan awam.
- 19.2.5 Memastikan murid SABK berpeluang mendapat pelbagai bantuan yang disediakan oleh KPM.
- 19.2.6 Memastikan murid SABK mendapat pendidikan yang berkualiti, menyertai aktiviti anjuran KPM dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah terbaik KPM.

19.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 19.3.1 Melaksanakan 60 peratus Kurikulum Dini/Azhari dan 40 peratus Kurikulum Kebangsaan.
- 19.3.2 Menambah bilangan SABK dari semasa ke semasa.
- 19.3.3 Menambah baik kemudahan fizikal dan prasarana sedia ada di SABK untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.
- 19.3.4 Mewujudkan iklim dini dan arabi yang merangsang pembinaan sahsiah unggul murid yang berilmu dan beramal dengan ilmu tersebut.
- 19.3.5 Meningkatkan kecemerlangan SABK dalam pelbagai bidang pengajian yang ditetapkan.
- 19.3.6 Menambah bilangan sekolah agama yang diiktiraf sebagai SBT.

20.0 SEKOLAH SUKAN

20.1 PENGENALAN

- 20.1.1 Sekolah Sukan Malaysia merupakan usaha untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi dalam kalangan murid yang berbakat dalam bidang sukan.
- 20.1.2 Matlamat penubuhan sekolah sukan adalah untuk menempatkan atlet sekolah yang berbakat dan menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam permainan atau jenis sukan tertentu.

20.2 PERNYATAAN DASAR

- 20.2.1 Memastikan persekitaran pendidikan sukan yang lengkap, berkualiti dan terkini disediakan.
- 20.2.2 Memastikan sekolah sukan membangunkan atlet murid yang berdaya saing tinggi dan ahli sukan berprestasi tinggi yang mampu bertanding di peringkat antarabangsa.

20.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 20.3.1 Menyediakan program pembangunan sukan jangka pendek dan jangka panjang yang berstruktur serta terancang.
- 20.3.2 Menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran Sekolah Sukan Malaysia untuk meningkatkan keberkesanannya.
- 20.3.3 Menjalinkan kerjasama antara Sekolah Sukan Malaysia dengan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan Persatuan Sukan Kebangsaan di dalam dan di luar negara.
- 20.3.4 Mengenal pasti dan menempatkan tenaga pakar dalam bidang sukan yang berpengalaman dan bertauliah berkhidmat di Sekolah Sukan Malaysia.
- 20.3.5 Menambahkan bilangan Sekolah Sukan Malaysia yang berfokus kepada sukan tertentu.
- 20.3.6 Memilih murid ke Sekolah Sukan Malaysia melalui proses pengenalpastian bakat (*'talent identification'*) (TID) yang standard dan melalui pencalonan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara.
- 20.3.7 Menyediakan jadual waktu persekolahan yang fleksibel untuk Sekolah Sukan Malaysia.
- 20.3.8 Menyediakan program latihan kepada atlet murid untuk menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa.
- 20.3.9 Memperluas penyertaan dan memperbanyak pengelolaan pertandingan sukan di peringkat sekolah di dalam atau di luar negara.

21.0 PENDIDIKAN KESENIAN

21.1 PENGENALAN

- 21.1.1 Program pendidikan kesenian yang dilaksanakan untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang kaya dengan budaya warisan dan kesenian yang luhur dan beridentiti.

21.2 PERNYATAAN DASAR

- 21.2.1 Memastikan peluang pendidikan kesenian disediakan kepada semua murid ke arah melahirkan insan pewaris budaya bangsa.

21.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 21.3.1 Meningkatkan taraf dan mutu kesenian di sekolah bagi memperkasakan program seni dan budaya di peringkat KPM.
- 21.3.2 Menyediakan dan mempertingkat kepakaran pegawai dan guru/jurulatih kesenian di peringkat bahagian, JPN, PPD serta sekolah.
- 21.3.3 Menjalinkan kerjasama dan perkongsian pintar dengan pelbagai pihak dalam bidang kesenian.
- 21.3.4 Memperluas penyertaan dan memperbanyak pengelolaan pertandingan seni dan budaya di peringkat sekolah di dalam atau di luar negara.
- 21.3.5 Melaksanakan penambahbaikan program kesenian.
- 21.3.6 Menyediakan kemudahan infrastruktur dan peralatan seni yang mencukupi untuk pembangunan murid.

22.0 SEKOLAH SENI MALAYSIA

22.1 PENGENALAN

- 22.1.1 Penubuhan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pendidikan kesenian dengan melahirkan murid berkemahiran dan berbakat tinggi dalam bidang kesenian.

22.2 PERNYATAAN DASAR

- 22.2.1 Memastikan SSeM melahirkan seniman yang berilmu dan ilmuwan yang berseni sebagai pewaris budaya bangsa.

22.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 22.3.1 Menambah bilangan SSeM bagi menampung pertambahan bilangan murid yang berbakat dan berminat dalam bidang kesenian.
- 22.3.2 Memperluas penyertaan murid SSeM dalam pertandingan dan persembahan kesenian dan kebudayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 22.3.3 Menjalinkan rangkaian rakan seni, kerjasama dan perkongsian pintar dalam bidang kesenian serta kebudayaan dengan Sekolah Seni atau IPT di dalam dan di luar negara.
- 22.3.4 Meningkatkan pencapaian murid bagi kesemua bidang kesenian di peringkat PMR dan SPM.
- 22.3.5 Mempelbagaikan kaedah pelantikan jurulatih bidang kesenian bagi memastikan SSeM mendapat khidmat kepakaran dalam bidang kesenian secara optimum.
- 22.3.6 Menyediakan insentif kepada murid dan guru/jurulatih bidang kesenian.
- 22.3.7 Melaksanakan mata pelajaran khusus dalam bidang kesenian.
- 22.3.8 Melaksanakan pemberatan bidang kesenian sebanyak 60 peratus, manakala akademik pula sebanyak 40 peratus.
- 22.3.9 Melaksanakan Penilaian Berasaskan Sekolah (*School Based Assessment*) bagi mata pelajaran bidang kesenian berdasarkan Indikator Prestasi Standard (*Standard Performance Indicator (SPI)*)).

23.0 PENDIDIKAN SWASTA

23.1 PENGENALAN

- 23.1.1 Pendidikan swasta ialah pendidikan yang disediakan kepada murid tempatan dan antarabangsa oleh institusi pendidikan swasta. Penubuhan, pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan swasta tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- 23.1.2 Institusi pendidikan swasta dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta dan menawarkan pendidikan dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat prauniversiti.

23.2 PERNYATAAN DASAR

- 23.2.1 Memastikan peningkatan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan pendidikan negara dalam menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.
- 23.2.2 Memastikan semua institusi pendidikan swasta (IPS) mematuhi semua peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
- 23.2.3 Memastikan pendidikan murid di prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan lepas menengah yang dianjurkan oleh IPS selari dengan hasrat yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.

23.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 23.3.1 Menambah bilangan IPS yang menawarkan pendidikan di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.
- 23.3.2 Meningkatkan usaha untuk menarik minat pelabur asing dan sektor swasta dalam negara untuk menceburi bidang pendidikan.
- 23.3.3 Melaksanakan pemeriksaan dan pengawalseliaan IPS secara berkala untuk memastikan IPS akur terhadap pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan, kualiti dan piawaian yang ditetapkan oleh KPM dari semasa ke semasa.
- 23.3.4 Melaksanakan promosi kecemerlangan sekolah di Malaysia untuk menarik kemasukan murid antarabangsa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.
- 23.3.5 Menggunakan TMK sebagai pengupaya untuk meningkatkan pengurusan IPS yang lebih efisien.

24.0 PENTAKSIRAN (PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN)

24.1 PENGENALAN

- 24.1.1 Sistem Pentaksiran yang diamalkan di Malaysia berfungsi sebagai petunjuk kualiti pendidikan negara. Pentaksiran yang dijalankan bertujuan mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan murid dalam pembelajaran dan membantu murid memperbaiki pembelajarannya melalui maklumat yang diperoleh.

24.2 PERNYATAAN DASAR

- 24.2.1 Memastikan semua urusan pentaksiran yang dijalankan menepati prinsip ekuiti dalam pendidikan.
- 24.2.2 Memastikan semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bertanggungjawab menyediakan semua murid untuk menduduki peperiksaan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
- 24.2.3 Memastikan pentaksiran yang dilaksanakan bersifat holistik, iaitu melibatkan peperiksaan pusat dan pentaksiran berdasarkan sekolah.
- 24.2.4 Memastikan peperiksaan awam yang dikendalikan oleh badan luar negara yang melibatkan murid dalam sistem persekolahan perlu mendapat kelulusan Pengarah Lembaga Peperiksaan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

24.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 24.3.1 Mengendalikan semua peperiksaan awam berpusat mengikut prinsip ekuiti tanpa sebarang diskriminasi.
- 24.3.2 Mengendalikan peperiksaan awam berpusat mengikut jadual serta mengedarkan peraturan dan panduan bertulis kepada calon yang berdaftar dengan institusi peperiksaan awam.
- 24.3.3 Menjalankan pentaksiran berdasarkan sekolah dengan penekanan kepada pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat dan pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.
- 24.3.4 Menetapkan standard dan kualiti sistem pentaksiran dengan menghasilkan standard prestasi kebangsaan dan standard kompetensi kebangsaan, di samping menjalankan kerjasama antarabangsa dengan badan pentaksiran luar negara.

- 24.3.5 Memasyarakatkan pentaksiran bagi pembangunan modal insan yang harmonis.
- 24.3.6 Menggunakan sistem pangkalan data item pentaksiran Sistem Pengurusan Pembinaan Item dan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) secara bersepadu agar pelbagai pihak boleh memperoleh dan mencapai maklumat pentaksiran dengan lebih cepat dan mudah.

25.0 PENDIDIKAN GURU

25.1 PENGENALAN

- 25.1.1 Pendidikan guru merupakan latihan guru yang dijalankan bagi melengkapkan guru dengan ilmu pengetahuan, sikap, tingkah laku dan kemahiran yang diperlukan supaya tugasannya di bilik darjah dilakukan dengan cekap dan berkesan.
- 25.1.2 Latihan perguruan direka bentuk berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru untuk melahirkan guru yang profesional, berketerampilan, berdaya saing, berakhhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, mahir berfikir dan cekap teknologi.

25.2 PERNYATAAN DASAR

- 25.2.1 Memastikan latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan dapat menyediakan guru yang terlatih.
- 25.2.2 Memastikan 90 peratus guru di sekolah menengah dan 60 peratus di sekolah rendah ialah guru siswazah menjelang tahun 2015 (RMKe-10).
- 25.2.3 Memastikan institusi pendidikan guru menjadi pusat kecemerlangan pendidikan guru bertaraf dunia.
- 25.2.4 Memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti, mengukuhkan tahap profesionalisme dan menjadikan laluan kerjaya guru yang menarik.

25.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 25.3.1 Menyediakan guru terlatih yang berkualiti dan kompeten dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM).
- 25.3.2 Merancang, mengurus dan mengawal selia pengambilan calon guru yang berkelayakan ke institusi pendidikan guru.
- 25.3.3 Mengawal selia dan merancang pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum latihan perguruan selaras dengan keperluan pendidikan negara.

- 25.3.4 Melaksanakan latihan dalam perkhidmatan untuk setiap guru bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru secara berterusan ke arah guru berkualiti dan kekal berkualiti.
- 25.3.5 Menambah bilangan guru terlatih di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- 25.3.6 Mempertingkat bilangan guru siswazah terlatih.
- 25.3.7 Menyediakan pelbagai insentif kepada guru untuk mengikuti program peningkatan profesionalisme dan akademik.
- 25.3.8 Menambah bilangan guru terlatih bagi mata pelajaran kritikal.
- 25.3.9 Menjalankan program tambah opsyen bagi guru daripada bidang yang mengalami lebihan guru kepada bidang yang kurang guru.
- 25.3.10 Melaksanakan program pengantarabangsaan dan latihan dalam perkhidmatan bagi peserta luar negara melalui program kerjasama pendidikan antara negara.
- 25.3.11 Memperkasakan institusi pendidikan guru sebagai pakar rujuk pedagogi sekolah rendah dan sekolah menengah serta sentiasa memacu kecemerlangan latihan perguruan.

26.0 LATIHAN PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

26.1 PENGENALAN

- 26.1.1 Kejayaan pelaksanaan dasar dan program pendidikan banyak bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan pihak pengurusan dan kepimpinan sekolah. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

26.2 PERNYATAAN DASAR

- 26.2.1 Memastikan pengurus dan pemimpin pendidikan di Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah menerima latihan berterusan untuk meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan profesionalisme dalam pengurusan pendidikan ke arah sistem pendidikan bertaraf dunia.

26.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 26.3.1 Merancang dan melaksanakan program latihan pengurusan dan kepimpinan untuk meningkatkan kompetensi pengurus dan pemimpin di semua peringkat.
- 26.3.2 Melaksanakan pendekatan ‘pengurusan tanpa cacat’, pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dan pemastian standard MS ISO 9000 bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan.
- 26.3.3 Melatih bakal pengetua dan guru besar melalui Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan (*NPQEL*).
- 26.3.4 Melaksanakan dan memperluas program pensiswazahan guru besar.
- 26.3.5 Melaksanakan dan memperluas program sarjana bersama-sama universiti tempatan untuk pegawai-pegawai di KPM termasuk Penolong Kanan Kurikulum, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru-guru.
- 26.3.6 Melaksanakan Program Latihan Peningkatan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan kepada pengetua dan guru besar.
- 26.3.7 Merancang dan melaksanakan latihan kejurulatihan dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.
- 26.3.8 Menyediakan latihan pengurusan dan kepimpinan di institusi ternama luar negara kepada pegawai pendidikan untuk tujuan pelan penggantian.
- 26.3.9 Menyediakan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT kepada pengurus sekolah.
- 26.3.10 Melaksanakan dan memperluas perkhidmatan perundingan konsultan kanan IAB ke arah kecemerlangan pemimpin-pemimpin sekolah.

27.0 PENAZIRAN INSTITUSI PENDIDIKAN

27.1 PENGENALAN

- 27.1.1 Penaziran institusi pendidikan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti berperanan untuk memastikan taraf pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan selaras dengan harapan serta aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

27.2 PERNYATAAN DASAR

- 27.2.1 Memastikan semua institusi pendidikan di bawah KPM berupaya mencapai dan mengekalkan kecemerlangan serta standard kualiti pendidikan yang memuaskan.

27.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 27.3.1 Melaksanakan tugas penaziran yang berkualiti secara berintegriti dan profesional bagi memastikan standard kualiti pendidikan yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan.
- 27.3.2 Melaksanakan pelbagai jenis pemeriksaan meliputi pengurusan kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan institusi pendidikan, aktiviti kokurikulum dan hal ehwal murid.
- 27.3.3 Memberi nasihat kepada institusi pendidikan yang diperiksa berdasarkan dapatan pemeriksaan JNJK.
- 27.3.4 Menyediakan dapatan pemeriksaan bagi setiap institusi pendidikan yang diperiksa dan mengemukakan dapatan tersebut kepada pihak institusi pendidikan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah.
- 27.3.5 Mengemukakan laporan pemeriksaan untuk diangkat kepada Menteri Pelajaran dan membentangkan laporan pemeriksaan JNJK yang telah diluluskan di pelbagai peringkat KPM.
- 27.3.6 Membantu institusi pendidikan melaksanakan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).
- 27.3.7 Memantau pelaksanaan dasar-dasar KPM, program pendidikan, program bantuan dan program sokongan di institusi pendidikan.

- 27.3.8 Menilai calon guru untuk kenaikan pangkat ke jawatan Guru Cemerlang.
- 27.3.9 Menilai calon sekolah untuk pemberian Anugerah Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Berprestasi Tinggi.
- 27.3.10 Meneraju penganugerahan Tawaran Baru pengetua dan guru besar dalam usaha meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan pengetua serta guru besar.
- 27.3.11 Merancang, menyelaras dan melaksanakan siasatan aduan yang diarahkan oleh Menteri Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Ketua Setiausaha KPM

28.0 PEMBESTARIAN SEKOLAH

28.1 PENGENALAN

- 28.1.1 Sekolah Bestari Malaysia merupakan salah satu Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia yang dilancarkan pada tahun 1999 dan melibatkan 88 buah sekolah sebagai projek rintis. Projek ini tamat pada 31 Disember 2002 dan kabinet telah memutuskan konsep Sekolah Bestari diperluas ke semua sekolah melalui pembestarian sekolah.
- 28.1.2 Pembestarian sekolah mengambil semua inisiatif TMK yang sedang dilaksanakan oleh KPM melalui proses berterusan ke arah meningkatkan keberkesan pengurusan sekolah serta pengajaran dan pembelajaran secara interaktif berdasarkan TMK.

28.2 PERNYATAAN DASAR

- 28.2.1 Menjadikan pembestarian sekolah sebagai wadah untuk mengoptimumkan potensi murid menguasai kemahiran abad ke-21 menggunakan TMK sebagai pengupaya.
- 28.2.2 Memastikan pembestarian sekolah dapat meningkatkan kompetensi dan profesionalisme bagi semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk melaksanakan TMK dalam pendidikan dengan berkesan dan cekap.
- 28.2.3 Memastikan pembestarian sekolah dapat merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar.

28.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 28.3.1 Mengoptimumkan penggunaan semua inisiatif TMK sedia ada di sekolah yang merangkumi tiga perkara utama, iaitu perkakasan, perisian dan modal insan.
- 28.3.2 Menjadikan Sekolah Bestari sedia ada sebagai penanda aras kepada pembestarian sekolah.
- 28.3.3 Memperluas pembekalan kemudahan TMK kepada semua sekolah mengikut norma yang ditetapkan.
- 28.3.4 Memperluas penyediaan kemudahan akses internet kepada semua institusi pendidikan.

- 28.3.5 Membangunkan dan memperluas bahan digital kurikulum kebangsaan berdasarkan piawai yang ditetapkan dan menggalakkan perkongsian kolaboratif kelompok pakar dalam membangunkan bahan sumber digital tambahan.
- 28.3.6 Meningkatkan pengurusan pentadbiran sekolah yang cekap dan berkesan melalui penggunaan sistem aplikasi pengurusan sekolah.
- 28.3.7 Menambah baik pengurusan pembelajaran yang berkesan melalui persekitaran pembelajaran maya.
- 28.3.8 Memantapkan perkongsian data pendidikan melalui sistem aplikasi di peringkat sekolah, jabatan dan kementerian.
- 28.3.9 Mempertingkatkan kompetensi TMK pentadbir sekolah, guru, staf sokongan dan personel di Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-bahagian di KPM.
- 28.3.10 Meningkatkan kemahiran pengintegrasian TMK secara kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru.
- 28.3.11 Membuat pemastian bahawa peralatan dan infrastuktur TMK sentiasa tersedia dan disenggara dengan baik.
- 28.3.12 Meningkatkan penglibatan pihak swasta, komuniti dan agensi luar dalam pembestarian sekolah secara perkongsian pintar.
- 28.3.13 Meningkatkan pemantauan pembestarian sekolah yang dilaksanakan secara berterusan dengan menggunakan mekanisme pemantauan dalam talian seperti *Smart School Qualification Standard (SSQS)*.
- 28.3.14 Memperluas penyediaan kemudahan perkhidmatan bantuan kepada semua sekolah bagi melancarkan pelaksanaan TMK di sekolah.
- 28.3.15 Menambah perjawatan di luar norma di sekolah, seperti jawatan Guru Penyelaras Bestari, Juruteknik Komputer dan Guru Perpustakaan serta Media.
- 28.3.16 Mempertingkat penglibatan kumpulan pakar dalam memberi input dan berkongsi pengetahuan secara bebas dan kreatif untuk menggalakkan pendekatan baharu yang dapat menyumbang kepada penghasilan keputusan yang strategik, mempercepat pelaksanaan, menyelesaikan masalah, menggalakkan penyebaran amalan terbaik dan meningkatkan kemahiran individu.

29.0 TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

29.1 PENGENALAN

- 29.1.1 TMK dalam Pendidikan adalah untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan, berinovasi dan meneroka bidang baru bagi menjana kekayaan negara dengan penglibatan dan kerjasama kelompok pakar, perkongsian dengan sektor awam-swasta serta penglibatan komuniti.

29.2 PERNYATAAN DASAR

- 29.2.1 Memastikan TMK digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid ke arah pembangunan modal insan berteraskan kemahiran abad ke-21.
- 29.2.2 Memastikan TMK dalam pendidikan menjadi tanggungjawab bersama-sama sektor awam, swasta dan komuniti.
- 29.2.3 Memastikan penggunaan TMK untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran pendidikan.

29.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 29.3.1 Menyediakan infrastruktur dan perkakasan TMK yang mencukupi dan terkini untuk semua peringkat institusi pendidikan.
- 29.3.2 Memperluas mata pelajaran TMK di semua institusi pendidikan.
- 29.3.3 Membudayakan penggunaan TMK secara kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran.
- 29.3.4 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran reka bentuk pengajaran bagi pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.
- 29.3.5 Membangunkan dan memperluas bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk digital dan menggalakkan perkongsian kolaboratif kelompok pakar dalam pembangunan bahan sumber digital.
- 29.3.6 Memastikan infrastruktur TMK dan semua aplikasi KPM dalam keadaan tersedia dan berfungsi secara optimum.

30.0 TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) DALAM PENGURUSAN PENDIDIKAN

30.1 PENGENALAN

- 30.1.1 TMK merupakan kunci utama kepada sistem penyampaian dan pengurusan pendidikan. TMK mampu memperkemas penataran maklumat dan komunikasi pada setiap peringkat organisasi yang membawa kepada kecekapan pengurusan pendidikan serta perkhidmatan kepada pelanggan.

30.2 PERNYATAAN DASAR

- 30.2.1 Memastikan penggunaan TMK untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanannya pengurusan pendidikan.
- 30.2.2 Memastikan *Information Strategic Planning* (ISP) menjadi asas perancangan dan pelaksanaan inisiatif TMK dalam meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanannya sistem pengurusan pendidikan.

30.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 30.3.1 Mempertingkat penyampaian perkhidmatan menerusi penyelarasan seni bina TMK.
- 30.3.2 Mengoptimumkan dan meningkatkan operasi TMK menerusi konsolidasi infrastruktur TMK.
- 30.3.3 Memperhebat hubungan kolaboratif antara agensi ke arah memupuk perkhidmatan awam berlandaskan pendekatan keseluruhan Kerajaan.
- 30.3.4 Memperkuuh tadbir urus TMK bagi memastikan penyampaian yang bernilai.
- 30.3.5 Memupuk budaya prestasi dalam memastikan kebertanggungjawaban bagi *outcome* dan memacu prestasi.
- 30.3.6 Mempertingkat budaya pengetahuan untuk membantu proses membuat keputusan yang pantas berdasarkan fakta.

31.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

31.1 PENGENALAN

- 31.1.1 Pembangunan Sumber Manusia di KPM mendokong Dasar Sumber Manusia Negara yang merupakan dasar pembangunan dan pengurusan modal insan yang berterusan berteraskan kepada nilai dan etika kerja yang murni serta prinsip kesaksamaan demi menjamin kesejahteraan hidup dan meningkatkan daya saing negara.

31.2 PERNYATAAN DASAR

- 31.2.1 Memastikan pengurusan sumber manusia dikendalikan dengan cekap dan berkesan.
- 31.2.2 Memastikan pembangunan sumber manusia dilaksanakan untuk menyediakan anggota yang berkualiti tinggi, cekap dan responsif terhadap keperluan pelanggan.
- 31.2.3 Memastikan pembangunan sumber manusia negara berdaya saing melalui kerjasama dan semangat *tripisme*, rasa tanggungjawab, prihatin serta progresif berlandaskan agenda *decent work*.

31.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 31.3.1 Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan dan pemilihan personel berdasarkan keperluan sebenar, deskripsi tugas dan kompetensi.
- 31.3.2 Merancang dan melaksanakan pelan perancangan sumber manusia seperti yang berikut:
- menambah baik skim perkhidmatan pendidikan dan bukan pendidikan dalam aspek laluan kerjaya, saraan, elauan, gaji dan kemudahan;
 - menyediakan saiz perjawatan dan pengisian yang bertepatan dengan keperluan sebenar;
 - memantapkan struktur organisasi Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah; dan
 - memantapkan dan mengemas kini sistem maklumat guru dan bukan guru.
- 31.3.3 Menyediakan dan melaksanakan dasar dan sistem pembangunan kerjaya dan pelan penggantian bagi jawatan utama dan penting di KPM.

31.3.4 Merancang dan melaksanakan pelan pembangunan sumber manusia, iaitu;

- i. menyediakan dasar latihan sumber manusia jangka pendek dan jangka panjang;
- ii. menyediakan dan mengutamakan program latihan ke arah peningkatan kompetensi dan kepakaran;
- iii. menyediakan program latihan yang dapat meningkatkan semangat kekitaan dan integriti serta nilai murni dalam kalangan anggota;
- iv. menyediakan peluang latihan melalui program sambil belajar dan seminar di luar negara; dan
- v. menyediakan dan memperkemas sistem maklumat latihan semua anggota.

31.3.5 Menyediakan program pengiktirafan dan penghargaan kepada anggota seperti pencalonan darjah kebesaran dan pingat, anugerah perkhidmatan cemerlang, pencalonan anugerah tokoh peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta anugerah pekerja contoh bulanan.

32.0 PEMBANGUNAN PENDIDIKAN (INFRASTRUKTUR)

32.1 PENGENALAN

- 32.1.1 Pembangunan pendidikan merangkumi pengurusan projek pembangunan, institusi pendidikan, agensi dan badan berkanun dalam KPM. Proses kerja pembangunan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

32.2 PERNYATAAN DASAR

- 32.2.1 Memastikan perancangan dan penyelarasan pelaksanaan projek fizikal pendidikan, pengurusan kawalan peruntukan, pemantauan projek dan perkhidmatan kepada institusi pendidikan disediakan sebagai sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.
- 32.2.2 Memastikan pembinaan, ubah suai dan naik taraf premis institusi pendidikan mengikut piawaian berdasarkan keperluan pengguna akhir dan piawaian antarabangsa.
- 32.2.3 Memastikan penyediaan peruntukan pembangunan bagi bekalan dan perolehan peralatan pendidikan yang mencukupi kepada semua premis institusi pendidikan baharu, gantian dan tambahan mengikut ketetapan kerajaan.
- 32.2.4 Memastikan peluang disediakan kepada usahawan bumiputera yang berkemampuan dan berwibawa bagi melaksanakan projek pembangunan kementerian.
- 32.2.5 Memastikan pengagihan perolehan kerja dan perkhidmatan yang telus dan adil kepada usahawan bumiputera yang layak selaras dengan nilai integriti.

32.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 32.3.1 Menyalurkan sumber peruntukan pembangunan pendidikan dengan tepat, terkawal dan tersedia termasuk penggunaan sumber manusia, mesin, modal dan tanah.
- 32.3.2 Melaksanakan projek fizikal pendidikan mengikut jadual dengan peruntukan yang sistematik dan pemantauan projek secara berkala.
- 32.3.3 Menyediakan tapak bagi projek fizikal pendidikan yang bersesuaian dengan kehendak keperluan pendidikan semasa dan akan datang.

- 32.3.4 Menambah baik sistem tatacara tender pembangunan projek bagi institusi pendidikan yang lengkap dan saksama.
- 32.3.5 Menambah baik pengurusan pembayaran bagi projek fizikal kerajaan.
- 32.3.6 Memperkuuh sistem penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan termasuk kerja naik taraf, baik pulih dan pemberian bantuan modal yang terurus mengikut keperluan institusi pendidikan.
- 32.3.7 Memperluas dan meningkatkan kemahiran serta kepakaran seluruh warga kementerian dalam bidang pembangunan bagi menambah daya kecekapan fungsi masing-masing.
- 32.3.8 Menyediakan dan meningkatkan peluang penyertaan bumiputera yang seluas-luasnya secara efektif dan berterusan selaras dengan dasar dan strategi pembangunan projek dan perolehan projek kerajaan.
- 32.3.9 Merancang dan melaksanakan projek pembangunan dan perolehan dengan keutamaan kepada usahawan bumiputera dengan mengambil kira ekuiti pihak lain yang terlibat.

33.0 PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

33.1 PENGENALAN

- 33.1.1 Perolehan dan pengurusan aset merangkumi aspek pengurusan perolehan (bekalan/perkhidmatan), pengurusan aset alih dan harta tanah di semua institusi pendidikan di bawah KPM dan pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

33.2 PERNYATAAN DASAR

- 33.2.1 Memastikan penyediaan perkhidmatan yang disediakan menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.
- 33.2.2 Memastikan urusan perancangan dan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dilaksanakan menepati piawai.
- 33.2.3 Memastikan penyelenggaraan aset alih institusi pendidikan di bawah KPM dipertingkat serta memastikan semua peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi.

33.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 33.3.1 Melaksanakan sistem pengurusan perolehan (bekalan/perkhidmatan) bagi semua institusi pendidikan di bawah KPM dengan penggunaan sistem e-Perolehan dan e-Bidding.
- 33.3.2 Menyediakan terma rujukan bagi penyediaan dokumen tender dan kontrak bagi bekalan dan perkhidmatan untuk memudahkan urusan berkaitan pentadbiran kontrak agar dapat memberi kefahaman kepada bahagian/jabatan serta pelanggan yang berurusan dengan BPPA.
- 33.3.3 Memastikan Sistem Pengurusan Aset dan Sistem Pelantikan Pegawai Aset digunakan dalam pengurusan aset alih.
- 33.3.4 Menyediakan garis panduan dan informasi berhubung urusan perolehan dan pengurusan aset alih untuk rujukan semua pihak di KPM.
- 33.3.5 Merancang, menyelaras dan memantau program pemantauan bersepadu untuk menilai keberkesanan serta kualiti bekalan/perkhidmatan, pengurusan aset dan pematuhan kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

34.0 PENGURUSAN KEWANGAN

34.1 PENGENALAN

- 34.1.1 Pengurusan dan kawalan kewangan yang kukuh adalah perlu bagi memastikan perbelanjaan KPM dibuat dengan teratur, cekap dan berkesan. Pengurusan dan kawalan kewangan yang lemah akan menyebabkan hala tuju dan matlamat pendidikan negara tidak akan dapat direalisasikan dan menyebabkan berlakunya salah guna, penyelewengan serta pembaziran.
- 34.1.2 Bagi memastikan agenda pembangunan pendidikan negara dapat dilaksanakan dengan jayanya, pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berhemah harus diberi penekanan.

34.2 PERNYATAAN DASAR

- 34.2.1 Memastikan pengurusan kewangan perlu mematuhi peraturan kewangan dan prosedur perakaunan yang ditetapkan.
- 34.2.2 Memastikan pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berhemah melalui perancangan, pelaksanaan, penguatkuasaan bersepadu dan meningkatkan tadbir urus yang berkualiti.

34.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 34.3.1 Merancang dan menyediakan peruntukan kewangan yang dapat memenuhi keperluan pendidikan.
- 34.3.2 Menentukan agihan peruntukan dibelanjakan secara optimum dan berhemah.
- 34.3.3 Mengagihkan bantuan pendidikan kepada sekolah dan murid mengikut kriteria dan masa yang ditetapkan.
- 34.3.4 Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan melalui:
- peningkatan penggunaan aplikasi sistem secara dalam talian;
 - peluasan pelaksanaan sistem e-Perolehan di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ); dan
 - penambahbaikan agihan peruntukan termasuk bantuan kepada murid dan sekolah.

- 34.3.5 Melaksanakan latihan pengurusan kewangan kepada pemimpin institusi pendidikan dan pegawai kewangan secara berterusan bagi memastikan tatacara dan peraturan kewangan dipatuhi.
- 34.3.6 Melaksanakan penguatkuasaan tatacara dan peraturan kewangan dengan mengemas kini surat pekeliling serta garis panduan berkaitan pengurusan kewangan berdasarkan keperluan semasa.
- 34.3.7 Melaksanakan pemantauan bersepadau dan berterusan secara berkala untuk memastikan pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berhemah dilaksanakan.

35.0 TAJAAN PENDIDIKAN

35.1 PENGENALAN

- 35.1.1 Tajaan pendidikan merupakan kemudahan berbentuk biasiswa dan pinjaman pelajaran serta cuti belajar untuk menjana kecemerlangan intelek dan profesionalisme warga pendidik.
- 35.1.2 Peruntukan dana diperoleh daripada agihan belanjawan dan Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan KPM.
- 35.1.3 Pengurusan tajaan adalah berteraskan dasar latihan dan program penajaan yang dinamik dalam usaha melahirkan warga pendidik yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten untuk memenuhi keperluan pendidikan negara.

35.2 PERNYATAAN DASAR

- 35.2.1 Memastikan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman pelajaran dan biasiswa disediakan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan bakal PPP untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.
- 35.2.2 Memastikan penyediaan kemudahan cuti belajar bergaji penuh, cuti belajar separuh gaji dan cuti belajar tanpa gaji kepada PPP yang menyambung pengajian dalam program pensiswazahan dan pensarjanaan kelolaan KPM.
- 35.2.3 Memastikan dasar cuti belajar dan dasar tajaan KPM diselaraskan.
- 35.2.4 Memastikan sasaran kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan tuntutan bayaran ganti rugi pecah kontrak berjaya dicapai ke tahap maksimum.

35.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 35.3.1 Menguruskan pemilihan calon biasiswa bakal PPP berdasarkan syarat yang ditetapkan bagi melahirkan bakal guru yang berkualiti.
- 35.3.2 Menguruskan pemberian biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan kepada PPP untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran.
- 35.3.3 Membekalkan garis panduan cuti belajar bagi memudahkan PPP dan pihak berkaitan (Jabatan Pelajaran Negeri, Sekolah/Jabatan Asal) untuk mengetahui tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas PPP cuti belajar.

- 35.3.4 Merancang, menggubal dan mengemas kini dasar cuti belajar dan tajaan supaya dasar tersebut selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh agensi pusat.
- 35.3.5 Memantau kebijakan dan prestasi akademik PPP dan bakal PPP yang menerima tajaan KPM agar sentiasa mengekalkan kecemerlangan.
- 35.3.6 Menyasarkan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan tuntutan bayaran ganti rugi pecah kontrak dicapai ke tahap maksimum.
- 35.3.7 Menyediakan kemudahan bayaran balik pinjaman melalui sistem *e-payment* dan pengesanan alamat peminjam terkini secara kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain.

36.0 SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

36.1 PENGENALAN

- 36.1.1 Buku teks yang diperakukan oleh KPM merupakan salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran utama yang disediakan berasaskan sukanan pelajaran dan huraian sukanan pelajaran bagi KBSR dan KBSM, dan berasaskan Dokumen Standard Kurikulum bagi KSSR dan KSSM.

36.2 PERNYATAAN DASAR

- 36.2.1 Memastikan semua murid warganegara di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) memperoleh kemudahan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) tanpa mengambil kira pendapatan isi rumah dan bilangan anak.

36.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 36.3.1 Melaksanakan bekalan SPBT sampai ke sekolah sebelum sesi persekolahan bermula dan semua murid mendapat buku teks yang mencukupi selewat-lewatnya hari pertama sesi baru persekolahan.
- 36.3.2 Melaksanakan kursus pengurusan SPBT kepada penyelia SPBT di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan guru SPBT di sekolah.
- 36.3.3 Meningkatkan keberkesanan penggunaan buku teks yang dibekalkan dalam kalangan murid.

37.0 PROGRAM PENERBITAN RANCANGAN TV PENDIDIKAN

37.1 PENGENALAN

- 37.1.1 Penerbitan rancangan Televisyen Pendidikan (TVP) merupakan satu usaha menghasilkan bahan pendidikan berbentuk video yang berfungsi sebagai bahan bantu mengajar.

37.2 PERNYATAAN DASAR

- 37.2.1 Memastikan rancangan TV Pendidikan dapat menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

37.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 37.3.1 Menerbitkan rancangan pendidikan yang mematuhi Garis Panduan Penyiaran selaras dengan Kualiti Piawaian Penyiaran Antarabangsa.
- 37.3.2 Menerbitkan rancangan khas pendidikan dan membuat liputan peristiwa KPM.
- 37.3.3 Menyebarluaskan rancangan pendidikan ke sekolah di seluruh negara sama ada melalui sistem siaran KPM dan/atau pihak lain yang dilantik oleh KPM.

38.0 MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

38.1 PENGENALAN

- 38.1.1 Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bermaksud mengangkat martabat bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia.
- 38.1.2 Tujuan utama Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM) adalah untuk mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa.
- 38.1.3 Tujuan utama Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) adalah supaya bahasa komunikasi antarabangsa ini dikuasai dengan baik dan berkesan bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat nasional dan global.
- 38.1.4 Matlamat MBMMBI adalah untuk melahirkan murid yang fasih dan yakin menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- 38.1.5 Penguasaan murid dalam kedua-dua bahasa tersebut diharapkan berada pada tahap tinggi. Penguasaan bahasa ialah penguasaan secara sistematis, iaitu penguasaan bahasa secara keseluruhan bukannya setakat penguasaan lisan sahaja.

38.2 PERNYATAAN DASAR

- 38.2.1 Memastikan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah kebangsaan dan sekolah menengah.
- 38.2.2 Memastikan murid boleh menguasai bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dengan fasih dan betul.

38.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 38.3.1 Mengangkat martabat BM dengan menggunakan secara meluas dan berkesan sebagai bahasa ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah.

- 38.3.2 Memperuntukkan tambahan waktu pengajaran dan pembelajaran BM dan BI di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Peruntukan waktu BM bagi sekolah jenis kebangsaan adalah antara 30 minit hingga 90 minit. Peruntukan waktu pengajaran BI di sekolah kebangsaan ditambah antara 60 minit hingga 90 minit seminggu. Peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran BI di sekolah jenis kebangsaan ditambah antara 30 minit hingga 90 minit seminggu. Peruntukan waktu BI bagi Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima ditambah sebanyak 40 minit seminggu.
- 38.3.3 Memperkuuh penguasaan asas kemahiran berbahasa murid melalui pendekatan kurikulum modular yang bersepadau, seimbang dan holistik. Pendekatan ini dilakukan melalui modul pengajaran dan pembelajaran yang memberi tumpuan kepada perkara asas berbahasa, didik hibur, apresiasi bahasa melalui Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa yang memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran secara bersepadau berasaskan sistem bahasa. Aktiviti ini disokong dengan bahan bacaan estetika seperti sastera kontemporari kanak-kanak, bahan program awal berstruktur dan bacaan ekstensif yang mendedahkan murid kepada bahan bacaan yang indah dan berkualiti.
- 38.3.4 Memastikan BM dan BI diajarkan oleh guru mengikut opsyen sepenuhnya. Sementara guru bukan opsyen BM dan BI akan ditempatkan semula mengikut keperluan opsyen di sekolah. Guru-guru bukan opsyen juga akan diberikan kursus tambah opsyen.
- 38.3.5 Meningkatkan kapasiti guru melalui pelaksanaan latihan guru praperkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan.
- 38.3.6 Menggunakan khidmat penutur jati BI sebagai jurulatih utama kepada pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan guru di sekolah. Di samping itu perkhidmatan guru BI yang telah bersara diambil secara kontrak bagi menampung kekurangan guru BI.
- 38.3.7 Memperluas perkongsian dan jaringan guru hingga ke peringkat global sebagai satu mekanisme guru berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang pengajaran dan pembelajaran yang terkini dan berkesan melalui forum/seminar/persidangan antarabangsa.
- 38.3.8 Memperluas integrasi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran BM dan BI.
- 38.3.9 Menaik taraf makmal komputer sekolah dengan perkakasan dan perisian TMK supaya boleh berfungsi sebagai makmal bahasa.

- 38.3.10 Meningkatkan penguasaan BM dan BI murid melalui program peningkatan minat dan penyertaan murid dalam aktiviti bahasa. Penyertaan menyeluruh murid dalam aktiviti pengucapan awam seperti ucapan, syarahan, pidato, *choral speaking*, perbahasan dan kepengacaraan.
- 38.3.11 Memartabatkan sepuluh buah IPGM sedia ada sebagai Pusat Kecemerlangan Bahasa Malaysia (PKBM) dan Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris (PKBI) bagi latihan dan kursus praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Lima buah PKBM ialah IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur; IPG Kampus Tuanku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang; IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak; IPG Kampus Ipoh, Perak dan IPGM Kampus Kent, Sabah. Manakala lima buah PKBI ialah IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu; IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak; IPG Kampus Gaya, Kota Kinabalu, Sabah; IPG Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur dan *English Language Teaching Centre*, Kuala Lumpur.
- 38.3.12 Memantapkan kerjasama pintar dengan agensi luar dalam meningkatkan bilangan program atau aktiviti bahasa yang menarik.

39.0 1MURID 1SUKAN

39.1 PENGENALAN

- 39.1.1 1Murid 1Sukan (1M 1S) mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.
- 39.1.2 Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Di samping itu, dasar ini memberi akses kepada semua murid untuk mendapatkan faedah daripada penglibatan dalam sukan khususnya murid yang kurang aktif atau tidak aktif.
- 39.1.3 Dasar ini juga membangunkan sukan sekolah ke arah meningkatkan kadar penyertaan murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah dan seterusnya memberi peluang kepada semua murid yang berbakat dan berpotensi digilap ke tahap yang lebih tinggi.
- 39.1.4 Selaras dengan Dasar Sukan Negara untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat, dasar ini dimulakan di peringkat sekolah melalui dua strategi, iaitu Sukan untuk Semua dan Sukan untuk Kecemerlangan. Justeru, setiap murid melibatkan diri secara aktif dengan menyertai aktiviti sukan sekolah sepanjang tahun.
- 39.1.5 Aktiviti sukan di sekolah adalah sangat penting dalam membina kesihatan, sahsiah dan kesejahteraan murid. Bagi mencapai kecemerlangan sukan, prestasi murid yang berbakat dan berpotensi terus dibangunkan di bawah Program Kecemerlangan Bakat Muda, Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah serta sukan lain yang mampu ditawarkan oleh pihak sekolah.
- 39.1.6 Oleh yang demikian, penyertaan setiap murid dalam sukan adalah amat penting sebagai satu landasan mendokong aspirasi 1Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu.

39.2 PERNYATAAN DASAR

- 39.2.1 Memastikan setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan daripada pelbagai jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah atau yang dijalankan dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah.

- 39.2.2 Memastikan pihak sekolah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu perkembangan potensi setiap murid dalam sukan.
- 39.2.3 Memastikan pihak sekolah mengoptimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada di sekolah atau kawasan persekitaran dengan mengutamakan keselamatan murid.
- 39.2.4 Memastikan semua murid mendapatkan faedah daripada penglibatan dalam sukan khususnya bagi murid yang kurang aktif atau tidak aktif.
- 39.2.5 Memastikan pembangunan sukan sekolah dapat meningkatkan kadar penyertaan murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah.
- 39.2.6 Memberi peluang kepada semua murid yang berbakat dan berpotensi dalam sukan untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi.

39.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 39.3.1 Memperluas pelaksanaan 1M 1S kepada semua murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan dengan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan.
- 39.3.2 Meningkatkan penglibatan murid dengan menawarkan lebih daripada satu jenis sukan mengikut kemampuan murid dan jenis sukan yang ditawarkan oleh sekolah atau yang dijalankan dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah.
- 39.3.3 Menambah baik kualiti pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah.
- 39.3.4 Mengutamakan penyertaan aktif oleh semua murid dalam pelbagai aspek aktiviti sukan.
- 39.3.5 Meningkatkan penglibatan ibu bapa dan agensi luar/rakan sukan untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sukan sekolah.
- 39.3.6 Meningkatkan aktiviti sukan di sekolah supaya dapat diadakan sepanjang tahun berdasarkan aktiviti rumah sukan dan kelab sukan seperti mengadakan pertandingan antara tingkatan, kelas, rumah sukan, dormitori asrama dan kelab sukan sekolah. Kejohanan olahraga sekolah yang didahului oleh kejohanan merentas desa dan sukan tara menjadi aktiviti teras sukan di sekolah.

- 39.3.7 Mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai agensi bagi program pembangunan sukan sekolah.
- 39.3.8 Mengoptimumkan penggunaan prasarana, kemudahan dan peralatan sukan bagi meningkatkan penyertaan aktif setiap murid.
- 39.3.9 Memperluas peluang kepada semua murid yang berpotensi tinggi dalam sukan meraih kejayaan melalui penyertaan di kejohanan Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD)/ Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSSN)/ Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) serta peringkat antarabangsa.
- 39.3.10 Meningkatkan kesedaran murid untuk menceburi bidang sukan sebagai kerjaya profesional pada masa hadapan.

40.0 PERPADUAN NASIONAL MENERUSI PENDIDIKAN

40.1 PENGENALAN

- 40.1.1 Pendidikan merupakan wadah penting dalam usaha kerajaan untuk menyatupadukan penduduk berbilang kaum di Malaysia. Melalui pendidikan, usaha yang terancang dapat dijalankan demi membentuk wargagenara yang bersatu padu, dinamik dan progresif.
- 40.1.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan semenjak Laporan Razak (1956) lagi telah mengutamakan aspek perpaduan. Nilai-nilai perpaduan telah menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan demi menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat berbilang kaum.

40.2 PERNYATAAN DASAR

- 40.2.1 Menyediakan program pendidikan yang dapat melahirkan murid yang bersatu padu, bertolak ansur, penyayang, mempunyai nilai-nilai positif, patriotik dan bangga terhadap negara selaras dengan prinsip Rukun Negara.
- 40.2.2 Memastikan Sekolah Kebangsaan (SK) menjadi sekolah pilihan utama ibu bapa.
- 40.2.3 Membina negara bangsa Malaysia dengan memperkuuh perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara.
- 40.2.4 Memastikan penggunaan bahasa kebangsaan dalam medium pendidikan sebagai tunjang kekuatan budaya dan jati diri bangsa, dan penerapan sastera yang bermutu tinggi sebagai wahana terbaik dalam menyuburkan budaya ilmu dan pembinaan tamadun bangsa.

40.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 40.3.1 Memperkasakan SK sebagai sekolah aliran perdana dan menjadi pilihan utama ibu bapa.
- 40.3.2 Menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di institusi pendidikan.
- 40.3.3 Menggunakan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan.

- 40.3.4 Mewajibkan pengajaran bahasa kebangsaan di institusi pendidikan yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan.
- 40.3.5 Menambah baik keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui pendekatan yang lebih menarik minat murid untuk memahami kepelbagaiannya bangsa dan sejarah negara.
- 40.3.6 Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2014.
- 40.3.7 Menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab Komunikasi sebagai bahasa tambahan di SK.
- 40.3.8 Menerapkan unsur perpaduan melalui pembelajaran mata pelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- 40.3.9 Menambah baik pembelajaran bahasa Melayu di SJK(C) dan SJK(T).
- 40.3.10 Mengadakan pembelajaran bahasa etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian serta jika ibu bapa kepada sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya.
- 40.3.11 Menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti sosial yang sihat.
- 40.3.12 Mempelbagai, memperkukuh dan memperluas aktiviti kurikulum untuk memupuk semangat perpaduan.
- 40.3.13 Menerapkan unsur patriotisme melalui pelbagai program pendidikan.
- 40.3.14 Memperluas program kurikulum secara integrasi antara jenis sekolah melalui Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

41.0 PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN DAN EKUITI

41.1 PENGENALAN

- 41.1.1 KPM berhasrat untuk memastikan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan yang menjadi tunjang agenda pendidikan negara dapat diteruskan tanpa mengira jenis sekolah, lokasi dan kaum. Bagi tujuan tersebut KPM akan menyediakan pendidikan percuma dari peringkat rendah ke peringkat menengah.
- 41.1.2 Pendidikan percuma ditakrifkan sebagai komitmen KPM dalam menyediakan pembangunan infrastruktur, kemudahan asas dan bantuan sokongan persekolahan.

41.2 PERNYATAAN DASAR

- 41.2.1 Memastikan semua murid daripada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang.
- 41.2.2 Menyediakan pendidikan sekurang-kurangnya 11 tahun dengan mewajibkan semua kanak-kanak bersekolah di peringkat rendah tanpa mengira agama, kaum dan status ekonomi.

41.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 41.3.1 Meningkatkan kadar penyertaan dan kadar transisi di semua peringkat sekolah.
- 41.3.2 Menyediakan pendidikan percuma dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.
- 41.3.3 Melaksanakan kenaikan kelas secara automatik dari peringkat rendah, menengah rendah hingga ke peringkat menengah atas.
- 41.3.4 Menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada murid seperti kemudahan asrama, Skim Pinjaman Buku Teks, Skim Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kelas Persediaan Universiti, Rancangan Makanan Tambahan, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan elauan khas kepada murid berkeperluan khas.
- 41.3.5 Mengadakan pelbagai program pendidikan untuk murid seperti berkeperluan khas, kaum peribumi, pesalah juvana serta pintar cerdas dan berbakat.
- 41.3.6 Memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk memastikan anak mereka bersekolah.
- 41.3.7 Meningkatkan infrastruktur yang mencukupi dan berkualiti untuk melaksanakan kurikulum dan kokurikulum dengan berkesan.

42.0 PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN

42.1 PENGENALAN

- 42.1.1 Pengantarabangsaan Pendidikan bermaksud usaha memacu sistem pendidikan di Malaysia dengan mengetengahkan bukan sahaja amalan dan produk terbaik pendidikan negara, malah memberi sumbangan ke arah pengayaan ilmu dan menjadi penanda aras di peringkat global.
- 42.1.2 Usaha pengantarabangsaan bukan lagi satu alternatif tetapi telah menjadi satu keperluan bagi memastikan kualiti pendidikan di Malaysia setanding dengan pencapaian negara-negara maju.
- 42.1.3 KPM turut memainkan peranan aktif dalam pelbagai program pendidikan di peringkat antarabangsa khususnya dalam memajukan pendidikan secara dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral).

42.2 PERNYATAAN DASAR

- 42.2.1 Meningkatkan dan memantapkan kualiti sistem pendidikan negara ke arah menghasilkan modal insan dan program pendidikan menjadi produk pendidikan yang berupaya bersaing di peringkat global.
- 42.2.2 Mengetengahkan agensi/institusi, program/aktiviti dan pakar/ilmuan pendidikan tempatan ke peringkat antarabangsa sehingga membolehkan pihak luar menjadikan Malaysia sebagai rujukan bagi bidang-bidang tertentu dalam pendidikan.
- 42.2.3 Menambah baik Kurikulum Kebangsaan sedia ada dengan mengadaptasi amalan terbaik antarabangsa yang disesuaikan dalam konteks negara Malaysia.

42.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 42.3.1 Mewujudkan jalinan komunikasi dengan menggunakan TMK antara warga pendidik dan sekolah dengan sekolah luar negara untuk bertukar maklumat dalam pelbagai bidang pendidikan, kepimpinan dan pengurusan pendidikan, amalan terbaik, teknologi, kebudayaan, sukan, permainan dan kesenian.
- 42.3.2 Mengadakan pendekatan, piawaian dan penanda aras yang lebih tepat serta bersesuaian dengan ciri dan keperluan kluster institusi pendidikan sedia ada dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pendidikan bertaraf antarabangsa.

- 42.3.3 Mempromosi dan menyelaras penglibatan murid, guru, agensi/institusi, program/aktiviti dan pakar/ilmuan pendidikan Malaysia ke peringkat global.
- 42.3.4 Meningkatkan program pengantarabangsaan yang dijalankan oleh KPM melalui jalinan sekolah, aktiviti dua hala dan aktiviti pelbagai hala.
- 42.3.5 Meningkatkan persefahaman dan memperluas kerjasama dalam bidang pendidikan antara KPM dengan negara serantau untuk menyediakan pendidikan dan latihan di semua peringkat melalui Perjanjian Persefahaman (MoU).
- 42.3.6 Meningkatkan penglibatan KPM dalam pelbagai kegiatan berkaitan pendidikan dengan badan antarabangsa seperti *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)*, *Islamic States Education, Social and Culture Organisation (ISESCO)*, *South East Asia Mathematics Education Organisation (SEAMEO)*, *ASEAN, Commonwealth Conference of Education Ministers (CCEM)*, *Asia Pacific Economic Countries (APEC)*, *Human Resources Development Working Group (HRDWG)*, *Asia Pacific Center of Education for International Understanding (APCEIU)*, *United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF)* dan *Japan International Co-operation Agency (JICA)*.

43.0 DASAR BUKU NEGARA

43.1 PENGENALAN

- 43.1.1 Dasar Buku Negara bertujuan membentuk masyarakat yang membaca. Dasar ini juga bertujuan menanam kesedaran bahawa buku dapat memperkaya kehidupan manusia dan seterusnya melahirkan persefahaman serta perdamaian antara masyarakat yang berbilang bangsa dengan pelbagai budaya.
- 43.1.2 Hasrat Dasar Buku Negara adalah untuk memastikan semua kegiatan pembangunan buku dianggap sebagai sebahagian daripada perusahaan pendidikan dan diiktiraf sebagai salah satu perusahaan penting.

43.2 PERNYATAAN DASAR

- 43.2.1 Menjadikan buku dalam bahasa Melayu sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara.
- 43.2.2 Menggalakkan penerbitan buku dalam bahasa Melayu dan bahasa lain yang sesuai untuk semua golongan masyarakat.
- 43.2.3 Menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat membaca.
- 43.2.4 Memastikan buku yang diterbitkan berkualiti dari segi isi kandungan dan bentuk fizikalnya.

43.3 STRATEGI PELAKSANAAN

- 43.3.1 Menyelaras pelaksanaan Dasar Buku Negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 43.3.2 Menyelaras dan memantau semua aktiviti gerakan membaca peringkat kebangsaan yang dianjurkan.
- 43.3.3 Merancang pelaksanaan industri buku ke arah membudayakan tabiat membaca.
- 43.3.4 Merancang pelaksanaan pembangunan profesionalisme industri buku.
- 43.3.5 Membangunkan tenaga penulis tempatan dengan memupuk bakat berkarya melalui latihan formal dan tidak formal; bantuan fizikal dan kewangan serta galakan seperti hadiah penulisan dan sebagainya.

43.3.6 Meningkatkan peranan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) melalui:

- i. khidmat terjemahan dalam pelbagai bahasa;
- ii. memantapkan perkhidmatan kejurubahasaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- iii. meningkatkan prasarana untuk menunjang kelestarian industri terjemahan;
- iv. memperbanyak terjemahan dan penerbitan bahan pengetahuan berkualiti ke dalam bahasa Melayu;
- v. memperbanyak usaha penterjemahan dan penerbitan karya penting kebangsaan ke bahasa lain;
- vi. melahirkan modal insan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi melalui kursus dan latihan berkaitan terjemahan dan kemahiran berbahasa dalam kalangan masyarakat serta memperkuuh kerjasama dalam penyediaan pendidikan perkongsian melalui latihan industri kepada golongan siswazah;
- vii. memperluas promosi dan pemasaran khidmat dan produk ITNM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- viii. menyokong dan mendukung segala usaha kerajaan dan pihak berkepentingan dalam Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris melalui industri terjemahan; dan
- ix. memantapkan keupayaan, kapasiti dan tadbir urus organisasi untuk memberikan khidmat terjemahan dalam pelbagai bahasa.

43.3.7 Melaksanakan promosi penjualan buku secara agresif melalui media cetak, media elektronik, dan pesta buku seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

46.3.8 Memperluas rangkaian perpustakaan di seluruh negara.

46.3.9 Mempertingkat peranan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.

46.3.10 Menyelaras pengembangan budaya membaca melalui aktiviti galakan membaca kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Pernyataan dasar pendidikan yang dimuatkan dalam buku ini merupakan dasar-dasar yang digubal untuk mencapai visi, misi dan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia. Dasar pendidikan tersebut tertakluk kepada tuntutan perubahan dasar utama negara dan keperluan pendidikan semasa.

Kementerian Pelajaran Malaysia berharap penerbitan ini dapat memenuhi keperluan maklumat mengenai dasar utama pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini.

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN DAN PENULISAN
BUKU DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

| | | |
|----------------|---|---|
| Penaung | : | Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia |
| Penasihat | : | Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia <i>(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)</i> |
| Pengerusi | : | Dr. Faridah binti Abu Hassan <i>(Pengarah, BPPDP)</i> |
| Naib Pengerusi | : | Dr. Hajah Masnah binti Ali Muda <i>(Timbalan Pengarah (DP), BPPDP)</i> Dr. Hj. Zainal Aalam bin Hassan <i>(Timbalan Pengarah (PP), BPPDP)</i> |
| Ahli-ahli | : | Puan Khalijah binti Mohammad Puan Rohayati binti Abd. Hamed Puan Norhayati binti Ab Wahab Puan Noorsham binti Muhammad Din Tuan Haji Alazhar bin Hassin Encik Taufek bin Mohamad |


Urus Setia
(Unit Gubalan Akta
dan Dasar, BPPDP)

Sekalung penghargaan atas sumbangan Wakil Penulis daripada Bahagian KPM, iaitu:

1. Encik Yusoff bin Ismail
Lembaga Peperiksaan
2. Encik Zamzaitul Akmal bin Hisham
Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Puan Hjh Nor Hayati binti L.Isa
Bahagian Pendidikan Islam
4. Encik Jamalullail bin Kamaruzzaman
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
5. Dr. Mahanom bin Mat Sam
Bahagian Pendidikan Guru
6. Tuan Haji Meor Aiyub bin Meor Zakaria
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
7. Encik Alias bin Samsudin
Bahagian Teknologi Pendidikan

8. Puan Yasmin binti Othman
Bahagian Sukan
 9. Puan Zainon binti Zainal Abidin
Bahagian Pendidikan Khas
 10. Encik Rashid bin Mean
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
 11. Dr. A' Azmi bin Shahri
Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
 12. Puan Siti Rafiah binti Sulaiman
Institut Terjemahan Negara Malaysia
 13. Dr. Mustafa bin Atan
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 14. Encik Mohd Yong bin Salleh
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 15. Encik Wan Mohd Farid bin Wan Yusof
Institut Aminuddin Baki
 16. Bahagian Kewangan
Encik Hashim bin Niamat
 17. Encik Jeffry Azmi bin Nasruddin
Bahagian Matrikulasi
 18. Encik Husairy bin Sapiei
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
 19. Puan Ruhana binti Abd. Rahman
Bahagian Tajaan Pendidikan
 20. Puan Zaiton binti Mohd Rashidi
Bahagian Buku Teks
 21. Encik Hamidun bin Abdullah
Bahagian Pendidikan Swasta
 22. Encik Adnan bin Husin
Majlis Peperiksaan Malaysia
 23. Puan Norma binti Mohd Nazim
Dewan Bahasa dan Pustaka
- **Bahagian Pembangunan**
 - **Bahagian Pengurusan Maklumat**
 - **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

ISBN 978-983-3444-40-3

A standard one-dimensional barcode representing the ISBN number 978-983-3444-40-3.

9 789833 444403